



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1963—

Committee of Supply (Ninth Allotted Day)—

Head S. 25 [Col. 3127]

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

Saturday, 15th December, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).

The Honourable ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).

- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jejebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

- The Honourable ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
 „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
 „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
 „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN
 IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
 „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
 „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
 „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
 „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
 „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
 „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
 „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
 „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S.
 (Pontian Selatan).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
 „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
 S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
 „ the Prime Minister, Minister of External Affairs and
 Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU
 ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
 „ the Minister of Internal Security and Minister of the
 Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
 P.M.N. (Johor Timor).
 „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
 (Melaka Tengah).
 „ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO'
 HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
 „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI
 JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
 „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN,
 P.M.N. (Ulu Selangor).
 „ the Minister of Agriculture and Co-operatives,
 ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
 „ the Minister of Labour and Social Welfare,
 ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
 „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE
 AUN, J.P. (Larut Selatan).
 „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN
 BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
 „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH
 THEAM SWEE (Bukit Bintang).
 „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN
 HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
 „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting,
 ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

The Honourable ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).

„ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).

„ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).

„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).

„ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1963

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Ninth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Head S. 25—

Debate resumed on Question:

That the sum of \$96,793,044 for Head S. 25 stand part of the Schedule.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, sa-malam saya telah terangkan bagaimana kedudukan negeri Kelantan yang berpenduduk 500,000 orang lebih itu dengan hanya mempunyai sa-buah hospital dalam bandar Kota Bharu dan sa-buah hospital kecil di-Kuala Krai ada-lah satu kenyataan yang sangat² tidak menyenangkan, dan boleh-lah di-katakan suatu keadaan perkhidmatan kesihatan yang tidak mencukupi dan tidak dapat melayani kehendak beratus ribu manusia itu. Dan telah saya bayangkan kalau sa-kira-nya pehak Kementerian ini dapat memikirkan pada masa yang akan datang di-bandar² besar sa-lain daripada Kota Bharu dan Kuala Krai itu di-

adakan hospital² walau pun pada asas atau pada mula-nya kecil, seperti di-bandar Pasir Puteh, Pasir Mas, Tanah Merah, Bachok dan Machang. Ini akan dapat mengatasi keadaan² kekurangan hospital dan sa-bagai-nya. Saya per-chaya Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang di-lakukan sekarang ini telah banyak di-dirikan klinik di-kampong² dan juga pusat² kesihatan, akan tetapi ini tidak-lah dapat di-samakan dengan hospital. Ada-nya hospital erti-nya akan dapat melayani orang sakit yang terpaksa di-rawat di-tempat itu.

Tuan Pengerusi, satu daripada per-kara yang boleh di-fikirkan oleh Yang Berhormat Menteri bagi membanyak-kan doktor² di-negeri Kelantan khas-nya, dan di-Pantai Timor 'am-nya, ia-lah mengadakan satu *housemanship* bagi hospital di-Kota Bharu itu sendiri. Saya pernah berchakap dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan chadangan yang seperti itu, nampak-nya Yang Berhormat Menteri bersetuju, chuma yang menjadi halangan ia-lah soal kekurangan specialist bagi melayani kehendak *housemanship* itu. Saya perchaya kalau sa-kira-nya chita² pehak Kerajaan untuk mengadakan satu *housemanship* di-Kota Bharu, masa-alah kekurangan specialist dapat di-atasi, melihatkan bagaimana keadaan sekarang kita dapat memerhatikan banyak hospital² di-sabelah Pantai Barat yang kebanjiran doktor, sedang hospital di-sabelah Pantai Timor ke-keringan doktor. Hal ini dapat di-atasi

kalau Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji dengan lebih lanjut dan chuba menyusun keadaan ini dengan lebih baik. Pada masa sa-tahun sa-tengah yang lalu di-hospital Kota Bharu tidak-lah kurang specialist saperti specialist pembelahan, physician dan beranak, akan tetapi pada masa yang akhir² ini saya dapati ada di-antara specialist itu telah hilang dengan begitu sahaja, dan tempat-nya di-gantikan oleh doktor biasa. Saya ta' tahu apa sebab terjadi hal yang demikian, dan mungkin Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa kebanyakan doktor tidak ingin pergi berkhidmat di-Pantai Timor kerana, konon-nya, kemudahan dan sa-bagai-nya kurang.

Hal ini, Tuan Pengerusi, dapat-lah Menteri Yang Berhormat yang baharu memegang jawatan Kementerian ini menganjorkan suatu kempen sa-chara besaran² di-kalangan doktor² itu sendiri bahawa tidak ada bedza pantai timor dan pantai barat. Dua tahun dulu saya telah pernah bangkitkan di-dalam rumah yang mulia ini bahawa satu kaedah yang boleh menarek doktor² itu berkhidmat di-pantai timor ia-lah dengan di-berikan satu peruntokan allowance khas. Dengan ada-nya peruntokan allowance khas ini boleh-lah menarek doktor² yang tidak pernah bekerja di-pantai timor itu datang berkhidmat di-pantai timor.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, masalaah specialist. Saya suka hendak menarek perhatian Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan specialist bahagian penyakit beranak. Ini saya dapati semenjak tahun 1961 bawa ka-atas sampai-lah sekarang ada-lah specialist yang terdiri daripada orang² laki² sahaja. Bagaimana-kah satu ikhtiar dapat di-atasi oleh Yang Berhormat itu supaya specialist dalam ilmu beranak; bukan Tok Dukon dalam ilmu beranak, tetapi doktor dalam ilmu beranak ini terdiri dari orang² perempuan. Sebab kita tahu bahawa yang beranak itu orang perempuan tidak ada laki² yang beranak. Jadi sangat-lah kurang manis-nya dan ganjil-nya kalau sa-orang doktor specialist bahagian penyakit beranak orang laki² terpaksa melayan perempuan. Hal ini saya fikir

tidak-lah sulit kerana kita ada doktor² perempuan dalam negeri ini kalau di-berikan scholarship khas untok melanjutkan pelajaran dalam bahagian penyakit beranak dengan hal yang demikian ini dapat-lah kita atasi dari satu masa ka-satu masa sa-hingga tiap² specialist dalam penyakit ilmu beranak ini ada-lah di-pegang oleh doktor² wanita tidak laki².

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, masalaah kedudukan orang² kampung yang pergi meminta ubat di-hospital dan orang² kampung yang terpaksa tinggal di-hospital kerana sakit. Pada masa sekarang ini nampak-nya satu kaedah mengenakan bayaran itu berjalan dengan lancar-nya dan ini bagi sa-tengah² orang kampung menjadi satu keberatan. Walau pun pehak Menteri yang dahulu-nya pernah menjawab di-dalam rumah yang mulia ini sa-kira-nya di-dapati benar orang² kampung orang yang miskin yang tidak ada wang untok membayar harga ubat atau membayar tempat duduk di-dalam hospital itu dengan syarat dia mendapat akuan dari Penghulu, Ketua² Kampung atau Wakil² Ra'ayat maka dapat-lah orang itu di-kechualikan daripada bayaran tersebut. Akan tetapi di-sini ada-lah tersangat sulit bagi mereka itu di-dalam hal keadaan mengejut untok mendapatkan ubat dan keadaan dharurat untok sertamerta di-rawat di-hospital untok mendapat pengakuan daripada Penghulu² atau Ketua² Kampung atau Wakil² Ra'ayat. Jadi, kalau sa-kira-nya di-dalam hal keadaan saperti ini terutama sa-kali di-negeri² yang banyak orang² Melayu yang kita tahu orang² ini bukan orang kaya dapat-lah di-kechualikan mereka itu terutama-nya duduk di-kelas² tiga dalam Rumah Sakit boleh kita kenakan satu kaedah dengan tidak di-kenakan bayaran. Demikian juga orang² yang datang mengambil ubat di-hospital, kita tahu kalau sa-kira-nya orang itu orang kaya saya perhatikan jarang sa-kali orang itu hendak pergi mengambil ubat di-hospital sebab banyak Clinic² dan di-Dispensary yang di-dirikan oleh doktor² private. Jadi hal ini patut-lah di-timbangkan oleh pehak Menteri Yang Berhormat.

Masalaah penyakit berjangkit walau pun pehak Menteri sa-malam telah

menerangkan keadaan penyakit berjangkit yang berlaku dalam negeri² yang berjiran dengan kita akan tetapi jangan-lah kita lupa penyakit² itu sering kali berlaku dalam negeri ini terutama sa-kali di-kawasan² luar bandar yang jauh perhubungan-nya daripada bandar² besar yang terpaksa berhubung dengan melalui Motor Boat. Saperti pernah berlaku barangkali di-kawasan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Kelantan ia-itu dudok-nya di-Hulu Kelantan disebelah hulu sungai Pergau di-antara Dabong bawa ka-atas, pernah berlaku penyakit chiret beret sa-hingga apa yang saya dapat pengakuan—saya terima daripada sa-orang sahabat yang melaporkan sa-waktu saya ada didalam Dewan Ra'ayat dalam sa-minggu dua ini telah berlaku kematian tiga empat orang dalam kampung itu. Hal ini ada-lah satu hal yang mustahak diambil perhatian berat oleh Kementerian Kesihatan ini. Sebab kalau sa-kira-nya mereka itu berkehendakkan mendapat layanan serta-merta di-harapkan lawatan doktor² biasa daripada Hospital Kuala Krai yang jauh-nya hampir beratus² batu itu ada-lah satu hal yang boleh di-kirakan hampir² mustahil kechuali pehak Kementerian ini mengadakan satu tindakan yang khas dan mengadakan satu jawatan khas yang boleh mengawal kedudukan penyakit² yang berjangkit di-dalam negeri itu sendiri. Bukan sahaja bahawa pengawalan itu dengan mengadakan ubat² chuchok atau injection dari satu masa ka-satu masa tetapi menyediakan pasokan khas yang sedia di-hantar bila² masa pun berkhidmat dengan segera saperti-lah gerakan dharurat kita menghantar tentera² dengan menggunakan kapal terbang dan sa-bagai-nya saperti juga apabila berlaku satu² keadaan yang mengejutkan di-Brunei, kita telah menghantar serta-merta Polis kita di-sana. Demikian juga apabila berlaku satu² hal yang mengejutkan dalam soal penyakit berjangkit di-mana² sahaja maka pasokan khas tadi boleh di-hantar bergerak chepat dengan menggunakan Helicopter atau sa-bagai-nya. Saperti saya katakan tadi, kampung di-Hulu Kelantan kalau kita melalui jalan biasa kita terpaksa menaiki Keretapi daripada Kuala Krai

jam 9.00 pagi dan kita sampai di-Dabong pada jam 1.30 petang, dari Dabong kita terpaksa menaiki Motor Boat tiga jam atau empat jam baharu sampai di-tempat itu—lebeh kurang pukul 5.00 petang. Dari tempat itu sa-kira-nya dari pukul 9.00 pagi sampai 5.00 petang berapa jiwa manusia boleh melayang akibat daripada kurang rawatan ubat dan sa-bagai-nya. Hal ini mustahak di-perhatikan oleh Menteri Yang Berhormat ini.

Satu lagi masaalah Jururawat. Saya rasa dalam penimbangan jawatan Jururawat daripada kalangan bangsa Melayu daripada Jururawat orang yang bukan Melayu sangat-lah jauh bedza keadaan-nya sekarang ini, pada hal orang² sakit itu tidak-lah lebeh daripada bangsa asing bahkan lebeh kurang sahaja. Perhitongan penduduk dalam Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini boleh di-katakan orang Melayu-lah yang maseh majority sadi- kit sa-banyak maka soal Jururawat mustahak-lah di-timbangkan. Apakala pehak Menteri yang mengambil Juru- rawat² yang baharu patut-lah di- galakkan supaya pemudi² Melayu mengambil kesempatan untuk memen- nohi jawatan² Jururawat ini. Dan di-dalam masa pepereksaan perjawatan ini di-kurangkan-lah sharat² yang ketat menyekat wanita² itu mengambil baha- gian Jururawat, umpama-nya tuntutan atau sharat² berkenaan dengan credit dalam bahasa Inggeris. Saya perhatikan sa-bahagian besar wanita² kita ta' mendapat peluang untuk memenohi jawatan Jururawat itu oleh kerana ini-lah soal halangan yang terbesar ia-itu-lah berkehendakkan credit dalam bahasa Inggeris. Kita perhatikan sekarang ini keadaan Jururawat² boleh- lah kita katakan entah berapa peratus sahaja Jururawat² Melayu. Saya per- chaya Yang Berhormat Menteri pernah merasa sakit dan pernah di-rawat di-hospital saperti saya juga, pernah menempohi hal keadaan sa-bagaimana kurang-nya Jururawat² Melayu dan begitu juga walau pun Jururawat daripada kalangan wanita Melayu dan wanita yang bukan Melayu tidak ada bedza apa² tetapi dalam adat, sopan santun dan lemah lembut ada- lah berlainan di-antara wanita Melayu

itu, dengan wanita yang bukan Melayu. Saya pernah pada suatu masa kena sakit, pada masa itu Menteri Kesihatan yang sekarang ini ada-lah memegang Menteri yang tidak berjawatan sa-bagai Duta kita di-Amerika, pernah saya sakit terok, saya di-belah dan waktu di-rawat dalam hospital itu saya di-jaga oleh sa-orang Jururawat yang terlatah dari kalangan yang bukan Melayu. Oleh kerana entah bagaimana chara rawatan dia itu dan oleh kerana sopan santun agak-nya maka tersalah dia membagi ubat. Ada satu ubat yang patut di-inject tidak di-inject sa-hingga saya menderita kata orang; saya tidak tahu sebab bagaimana saya hendak tahu saya sangat terok, terpaksa pehak doktor yang menjaga saya yang sekarang ini menjadi pegawai specialist dalam bahagian ilmu belah di-Negeri Sembilan—di-Seremban ia-itu-lah Dr Balasinggaram dia-lah yang telah melayan saya. Pada masa itu juga dia terpaksa menemui Jururawat yang menjaga saya itu dan akibat daripada itu saya terpaksa di-hantar dengan kapal terbang untuk di-rawat di-Kuala Lumpur ini, bagitu-lah cerita yang dapat saya tahu. Jadi hal ini tentu-lah tidak akan terjadi, kalau Jururawat dapat di-kawal dengan baik kalau betul² daripada kalangan orang² Melayu menjaga orang Melayu alang-kah baik-nya kerana pehak Menteri Yang Berhormat pun pernah dudok di-hospital saperti saya juga merasai bagaimana mustahak-nya hal ini di-atasi.

Demikian juga soal menghantar Nurses berlatah di-luar negeri. Kita dapat tahu daripada beratus² Nurses yang di-hantar keluar negeri itu ta' sampai berapa kerat sahaja terdiri dari wanita² Melayu. Hal ini tentu-lah pehak Menteri akan menjawab saperti juga Menteri yang dahulu daripada-nya yang memegang jawatan Menteri Kesihatan yang sekarang ini memegang Kementerian Commerce and Industry, menjawab tidak ada anak² atau wanita² Melayu yang layak boleh memenohi tempat itu untuk di-hantar belajar atau pun berlatah di-luar negeri, kalau ada wanita Melayu yang layak maka saya akan chuba menghantar wanita² itu. Saya tidak

hendak jawapan Menteri ini saperti itu juga. Mudah²an Menteri kita ini akan menjawab dengan tegas jawapan yang merupakan di-belakang ada saluran² yang akan di-aku² dengan gerakan² yang tegas bagi memenohi kekosongan wanita² Melayu dalam jawatan Jururawat sa-hingga dapat-lah wanita² Melayu itu lebeh ramai lagi dapat di-hantar berlatah keluar negeri. Sa-hingga pada masa akan datang keperluan² mungkin di-atasi oleh kalangan orang Melayu di-dalam Rumah Sakit itu akan dapat di-penohi oleh berbagai chabang bukan sahaja chabang Jururawat demikian juga Hospital Assistant. Hal ini tentu-lah pehak Yang Berhormat itu mengkaji dengan segera.

Yang akhir-nya saya suka berchakap soal derma darah. Saya rasa kempen derma darah yang di-lakukan sekarang ini tidak bagitu terator dan belum bagitu tegas sa-hingga saya rasa maseh banyak lagi orang² yang patut memberikan darah-nya itu belum lagi dapat mendermakan darah-nya. Pada masa saya dalam hospital dahulu saya lihat ada sa-orang yang sakit terok ia-itu-lah sa-orang bangsa yang bukan Melayu ia-itu orang China, dia terpaksa di-isikan darah di-dalam badan-nya. Kebetulan pada masa itu Bank simpanan darah sudah tidak chukup dalam jenis darah yang sama jenis-nya dengan darah yang ada dalam diri si-sakit itu. Sa-hingga terpaksa dia menchari kaum keluarga-nya untuk menderma darah, malang-nya tidak ada kaum keluarga-nya yang suka menderma darah. Yang kebetulan pula dia bukan orang kaya, terpaksa kena menjual barang² kemas isteri-nya untuk membeli darah. Maka berpeluang-lah driver² taxi roda tiga itu yang banyak berkeliaran menanti penumpang² di-hospital itu yang kebetulan darah-nya sama jenis-nya, entah C entah O tidak tahu-lah saya, mendermakan darah sa-hingga sampai satu pint darah-nya dan orang China itu terpaksa membayar \$80. Hal ini berlaku sampai dua minggu sebab dia memerlukan di-tambah darah tetapi orang itu nasib-nya tidak baik akhir-nya mati juga dia. Ini soal-nya kadang² jika sa-kira-nya kempen

menderma darah itu di-lakukan banyak orang yang hendak menderma darah. Oleh itu saya harap Kementerian yang berkenaan ia-itu Menteri yang baharu ini tidak kurang pengalamannya dengan Menteri yang dahulu bagaimana ia-nya pernah dudok di-hospital merasa keadaan yang berlaku dalam hal kesihatan itu.

Enche' V. David (Bungsar): Mr Chairman, Sir, this is one of the Ministries which often change their Ministers. In regard to this Ministry, every few months a new Minister takes over, new plans are brought forward and later on when he is shifted to another Ministry the whole thing is shelved and not looked upon. It must be admitted without any reservation that the Government has not made a tremendous progress towards the improvement in medical facilities in this country.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jejebu-Jempol): Sir, on a point of order—S.O. 36 (1). Dapat-kah Yang Berhormat itu menerangkan di-bawah kepala apa dia berchakap. Can the Member tell the House under what Head is he speaking now?

Enche' V. David: That is on a point of clarification and not on a point of order!

Mr Chairman: Awak hendak meminta penerangan, atau on a point of order?

Enche' Mohamed bin Ujang: Saya nampak

Enche' V. David: I refuse to give way if it is on a point of clarification.

Enche' Mohamed bin Ujang: On a point of order—S.O. 36 (1). Saya nampak Yang Berhormat itu tidak menerangkan di-atas kepala apa dia berchakap dan lagi perbahathan ini hendak-lah di-tujukan kepada pekerjaan wang yang di-khaskan kepada pekerjaan itu. Dia sekarang ini beruchap berkenaan dengan policy, itu tidak kena-mengena dengan perkara yang di-bahathkan sekarang ini.

Mr Chairman: Ada berkenaan dengan dasar perjalanan perbahathan kerana ini. Proceed.

Enche' V. David: Sir, I hope that the Members will not turn to be childish and that they will refrain from making unreasonable and unfair remarks.

Mr Chairman: Proceed.

Enche' V. David: Mr Chairman, Sir, as I said, the Government has not been making a tremendous progress towards medical facilities. The services offered to the public seem to remain unchanged except for some improvements which have been made in certain places, which do not till satisfy the needs of growing demands from the public for medical facilities. It has been said on several occasions in this House that medical facilities are one of those which should be accorded top priority but this matter has been overlooked. We have only found statements from the Ministry in regard to improvements here and there, but practically there has been no adequate improvement in regard to medical facilities.

Mr Chairman, Sir, it is really questionable as to whether the administration of hospitals is satisfactorily maintained. To my knowledge and belief, and according to reliable information gathered from the various doctors who have resigned from hospitals due to dissatisfaction, it is found that a large scale of discontentment prevails in the administration of hospitals.

Mr Chairman: You are talking about the general principle of Government policy. We are now debating on the policy of the service for which money is provided here.

Enche' V. David: I am just trying to touch on the administration of the hospitals for which money is voted here. (*Interruption*). Will you remain quiet while I speak? Mr Chairman, Sir, there has been a constant resignation of doctors from hospitals in various parts of the country.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): On a point of order

Enche' V. David: What number?

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Not for you to ask!

Enche' V. David: I am not prepared to sit down until you tell me under what Order you want to speak.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: That is for the Speaker to ask.

Enche' V. David: I am speaking now. I will remain standing until I am ordered to sit down.

Mr Chairman: Both of you sit down! (To Tuan Syed Ja'afar) Awak kata S.O. nombor apa?

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: S.O. 67 (5).

Mr Chairman: Yes. That is on a point of order.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, saya fikir kalau hendak di-biarkan orang² ini mengulang² atas policy berkenaan Kementerian ini sampai tiga tahun pun perbahathan kita ini tidak akan habis². Ini manusia bagaimana yang telah di-terangkan oleh Perdana Menteri sa-malam sa-kejap masuk pintu depan sa-kejap dia masuk pintu belakang . . .

Mr Chairman: Jangan panjangkan lagi.

Enche' V. David: Mr Chairman, Sir, may I ask does he want to be a *samseng* in this House? If he does not know the etiquette of this House, I think he should be taught the same.

Mr Chairman: Both of you sit down. Standing Order 67 (5) reads—

"The debate on a supplementary Supply Bill in Committee of Supply shall be limited to the particulars contained in the estimates on which the supplementary appropriations are sought; such debate may not touch the policy or the expenditure sanctioned by the estimates . . ."

I think you should concentrate on that point only.

Enche' V. David: Mr Chairman, Sir, we are asked to approve certain amount of money for the Ministry of Health and it is only right for us to speak whether it is justified in allotting this money in spite of the resignations of so many doctors due to discontentment prevailing in the administration. I am not talking about the general policy on health.

Mr Chairman: The resignations of doctors is not included in this—that is policy.

Enche' V. David: Salaries for doctors are included here, Sir.

Mr Chairman: Are you trying to argue with me?

Enche' V. David: I am not arguing . . .

Tuan Syed Ja'afar: Is he trying to argue with you, Sir?

Enche' V. David: You shut up there.

Tuan Syed Ja'afar: *Kurang ajar.*

Enche' V. David: You are *kurang ajar*, *bukan saya.*

Mr Chairman: If you say that again (*interruption*). You withdraw those words *kurang ajar*.

Enche' V. David: I said I am not *kurang ajar*.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya sudah terangkan beberapa kali dalam Majlis ini, jangan-lah jadikan tempat ini tempat gelanggang berkelahi, atau berkasar, atau menunjukkan sikap masing². Saya mintalah hormatkan Rumah ini, Rumah yang tinggi sa-kali, tetapi kalau Ahli² Yang Berhormat semua sa-kali bagi pehak ini menunjukkan kekasaran, saya fikir mana lagi tempat yang samacham ini akan di-pandang tinggi oleh ra'ayat negeri ini. Saya fikir tiap² sa-orang hendak-lah sabar dan janganlah menegor sa-suatu benda itu, kalau tidak di-beri, dan orang yang kena tegor itu jangan pula menunjukkan kekasaran, tetapi hendak-lah mengikut Standing Order. Standing Order ini-lah *guide* kita. Standing Order ini-lah yang menolong kita. Saya fikir, kalau Ahli² Yang Berhormat tidak memandang pada Standing Order, tidak ikut pada Standing Order ini, hina kapada Majlis ini. Saya harap jangan-lah gunakan kekasaran dalam Majlis ini.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya minta dia tarek balek perkataan "*kurang ajar*" itu!

Mr Chairman: Bukan dia mengatakan orang ini *kurang ajar*—tidak.

Enche' V. David: Thank you, Sir.

Mr Chairman: I hope you will not continue with what you have said now.

Enche' V. David: Sir, the complaint generally about the Ministry of Health is that there are an inadequate number of doctors to fulfil the demands in the various hospitals in the country. I always have observed, in the past and in the present, that allotments of doctors for the hospitals have been made, but the hospitals are unable to have the number of doctors required either because the doctors have resigned or the Ministry is unable to recruit the necessary number of doctors. Sir, it is desirable on the part of the Ministry to probe into the fundamental difficulties of doctors, i.e., the prevalence of discontentment among doctors and why there has been large-scale resignations in the past and at present. You cannot have a proper medical system in this country and you cannot have proper treatment in the hospitals until the doctors are given their due recognition and they are kept as a contented lot in this country. We find the specialists, who are rare in number in this country, resigning from time to time and every time they resign we find statements in the Press that they resign due to the dissatisfaction prevailing in the administration. I call upon the new Minister who has taken over this job to go really into this problem, if necessary even by instituting a committee of enquiry.

Enche' Hassan bin Mansor (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, on a point of order, 44 (1) dan (2)—Pengerusi setelah menarek perhatian Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa kepada kelakuan sa-saorang ahli yang berdegil² menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara meshuarat atau berulang² menyebutkan hujah-nya sendiri atau hujah² ahli lain dalam sa-suatu perbahathan, boleh memerentahkan ahli itu suroh berhenti berchakap. Sa-telah Tuan Pengerusi memerintah dia, dia berulang² berchakap dalam soal dasar. Jadi, saya minta, Tuan Pengerusi, menggunakan kuasa Standing Order 44 (1).

Mr Chairman: Dalam perkara yang akhir ini, dia ada hak berchakap

sadikit, tetapi kalau sa-kira-nya dia menyentoh dalam perkara ini, saya akan suroh dia berhenti daripada berchakap, tetapi apa yang di-chakapkan ini ada sadikit sa-banyak bersangkutan dengan Kementerian ini. Please proceed.

Enche' V. David: Thank you, Sir. As I have said, it is desirable for the Government to set up an enquiry into the difficulties of and discontentment prevailing among the doctors. If not, the time will come when we will be losing all able doctors who are in the medical service and the Government will not be in a position to maintain the required standard in the hospitals and dispensaries in this country. Therefore, I appeal that the Minister of Health as his first job should see that an enquiry is instituted into the criticisms made by the various doctors who have left the service, and those who are now in the service, by asking them to submit reports to the enquiry committee so that constructive criticism could be accepted and it will be a source to improve the standard of hospitals.

Coming to the General Hospital in Kuala Lumpur, as I have said earlier there has been no improvement at all except minor renovations and whitewashing. It has become the practice of the General Hospital, Kuala Lumpur—every year day in and day out we find whitewashing and renovations. Contractors are allowed to whitewash and renovate from one side of the hospital and when they reach the other end of the hospital the place they had started, again requires whitewashing or repairs, and they come back again. This has been going on for years. Some of the wards in the General Hospital are completely overcrowded—overcrowded in the sense that whereas the provision is only for 20 or 24 patients we find that sometimes 36 or 38 patients are made to sleep in certain wards. Again in certain wards we find stickers hanging around, i.e. whereas flies are found predominant in certain wards, instead of finding a solution to protect the wards from these flies and prevent them from coming into the hospital, we find stickers hanging in the hospital

to catch those flies. This is really an eye-sore in the hospital. Some of the wards in the hospital are also extremely dirty. This lack of cleanliness is caused by the fact that there is an inadequate number of employees in the hospital. When the population is growing and the number of patients are also growing it is necessary that an adequate number of staffs should be recruited from time to time. Therefore, I would suggest that speedy action be taken to build a new hospital to replace the present General Hospital, and in the meantime see that action is taken to maintain the wards to the required standard.

Mr Chairman, Sir, I understand that there has been certain irregularities taking place at the Malacca General Hospital. I understand from reliable information that three contractors tendered for the supply of furniture to the Malacca General Hospital and the highest tenderer had been offered the tender instead of the lowest tenderer. This is, in fact, irregular. When tenders are called for in any hospital, Sir, the preference should be for the lowest tender and not for the highest tender. I also understand, Sir, that certain senior officers have been involved in the granting of contracts in the Malacca General Hospital for the provision of furniture. This, in fact, may seem to be a serious allegation, but this is from information which I gathered and I am subject to correction. It seems that three contractors tendered for the supply of furniture and the highest tenderer has been offered the tender. It is really irregular, if it is true, and I would call upon the Minister to investigate into this matter and, if necessary, to reply at a later stage.

Again, Sir, it seems that the quality of food in the General Hospital, Malacca, is very poor, because there has been no check by the Medical Officer who is in charge there. As a result of this, Sir, the food has become very poor and it deteriorates from day to day. Complaints by the patients have been brought to the attention of the Medical Officer, but no action has been taken.

Regarding special drugs at the General Hospital, Malacca, I under-

stand that special drugs are always out of stock and only cheap drugs are available, and as a result of this the hospital is unable to meet the requirements of the patients. I would once again appeal to the Minister to pay some attention to the Malacca General Hospital and rectify the irregularities which prevail there.

Tuan Haji Redza bin Haji Mohd. Said (Rembau-Tampin): Tuan Pengerusi, sambil mengalukan² Perbelanjaan Kementerian Kesihatan ini, saya ingin berchakap sedikit berkenaan dengan kedudukan hospital yang ada di Seremban. Tempat memeriksa orang sakit ya'ani kelinik ada-lah jauh sangat dengan ward tempat merawat orang sakit. Saya perchaya Kementerian ini akan membuat hospital pada tahun ini. Saya merayu kapada Kementerian ini supaya membuat tempat memeriksa orang sakit itu berhampiran dengan hospital. Saya tengok baharu² ini sangat-lah susah bagi ra'ayat tempat itu menghantar orang sakit masuk hospital. Jauh-nya di-antara hospital dengan tempat memeriksa orang sakit itu satu batu lebeh.

Tuan Pengerusi, kesusahan ini bukan sahaja di-tanggung oleh ra'ayat, tetapi juga kaki-tangan hospital; mereka sentiasa menanti² ambulance atau van untuk membawa orang yang telah di-pereksa itu ka-dalam ward hospital.

Sa-perkara lagi yang saya hendak merayu kapada Kementerian ini ia-lah kawasan ward beranak di-seluruh Seremban. Warith² orang yang beranak itu bergelimpangan di-atas simin. Saya berharap benar-lah kapada Kementerian ini supaya membuat satu rumah yang berhampiran di-situ untuk mereka itu bertedoh.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan pengambil Assistant Nurse. Dalam bulan Jun yang lalu Assistant Nurse telah di-ambil, dan belum pun chukup enam bulan mereka itu telah di-pereksa, tetapi banyak yang tidak lulus. Saya berharap dan merayu kapada Kementerian ini supaya mereka yang tidak lulus itu di-beri peluang selama enam bulan lagi untuk meneruskan pelajaran mereka. Saya juga berharap dan merayu kapada Kementerian

ini supaya di-dalam memberi latehan kapada Assistant Nurse yang baharu itu jangan-lah di-belah bahagikan dan di-pileh-kasehkan di-antara bangsa yang ada di-tempat itu.

Tuan Syed Hashim bin Syed Ajam (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun mengakukan² perbelanjaan Kementerian ini. Saya suka hendak menarek perhatian Kementerian ini berkenaan dengan Hospital Attendants di-dalam Item 121 dan Item 178. Di-dalam Item 121 ada 4 Hospital Attendants yang berpangkat Superscale yang mendapat gaji pokok \$197.50 dan di-dalam Item 178 Hospital Attendants yang berpangkat Special Grade 1 orang. Nampak-nya kedua² jawatan ini tidak bersamaan. Saya harap kapada Kementerian ini menambah lagi pangkat Superscale dalam jawatan Hospital Attendants. Kita hendak-lah menimbangkan perkhidmatan mereka yang telah lama itu. Mithal-nya, di-tempat saya ada sa-orang Hospital Attendant telah berkhidmat 33 tahun, pangkat-nya chuma Special Grade sahaja. Orang ini mempunyai tanggung-jawab yang berat, dia mempunyai 10 orang anak dan 6 orang daripada-nya bersekolah. Saya fikir mereka ini susah dengan gaji Special Grade itu. Mereka itu tentulah berasa kechewa sa-telah berkhidmat lama dengan ta'at tetapi tidak mendapat pangkat Superscale. Kehidupan mereka itu tidak lepas daripada hutang. Dia sudah bekerja 33 tahun barangkali satu dua tahun lagi dia akan pension. Jadi saya harap dengan apa yang saya chakapkan tadi di-harap kapada Kementerian ini supaya Hospital Attendant ini hendak-lah di-tambah lagi, jawatan Superscale memberi peluang pada dapat gaji lebeh pada mereka yang bekerja lama.

Juga saya suka berchakap sadikit lagi jika sa-kira-nya Kementerian ini dapat menimbangkan dengan bijaksana dengan chara tenteram atas sa-saorang yang kehidupan-nya telah berjasa ya'ani yang telah bekerja 20 atau 30 tahun berma'ana ini satu kerja yang sangat baik. Saya minta; sebab sa-orang yang ada mempunyai kehausan jika kita titek sa-tegok ayer kapada kerongkong dia itu saya ingat itu bukan-lah dia

mengucapkan terima kaseh, tetapi Tuhan menilek kita dengan sa-ribu rahmat, dan juga kita mesti fikirkan ada-lah di-katakan anak panah malam itu ia-lah daripada sa-orang yang hidup menderita dengan hidup kebenaran kapada Tuhan. Jadi dengan itu-lah do'a² sa-saorang yang sangat sengsara—susah akan menjadi satu benchana kapada penganjor² kita dan di-jauhi oleh Allah Ta'ala kapada yang bertanggung-jawab kerana kita mesti mengikut hukum Tuhan "Ya'muru bil-'adli" berma'ana mesti kita membuat ke'adilan dan membuat beberapa kebagusan kapada yang patut kita timbangkan. Anak panah malam ini bukan-lah senjata tetapi senjata mengadu nasib kapada Tuhan yang kalau Tuhan kabulkan dengan baik maka di-terimalah dengan baik kalau sa-balek-nya di-makbulkan Tuhan boleh juga terima akibat-nya yang burok kapada kita semua. Kerana apa, jikalau datang kebaikan itu ma'ana-nya barangkali Allah Ta'ala telah tilek kita, kalau sa-kira-nya datang keburokan itu tahu² lah sahaja kerana tangan Tuhan itu terletak di-tangan manusia pada majaz. Had ini-lah sahaja saya merayu, mudah'an dapat perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, demikian-lah.

Tuan Haji Hassan bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit di-sini dalam perkara kesihatan. Pada tahun yang lalu saya telah pun berchakap dalam perkara ini berkenaan dengan dalam kawasan saya sendiri ia-itu dalam jajahan Tumpat. Jajahan ini ia-lah satu jajahan yang besar mempunyai penduduk lebeh kurang 30,000. Tetapi kawasan ini tidak mempunyai Rumah Sakit chuma ada sa-buah Clinic dibawah jagaan sa-orang Dresser sahaja. Dresser ini chuma bekerja sa-belah pagi dan dudok di-dalam Clinic untuk memereksa orang² sakit dan memberi ubat dan sa-belah petang-nya melawat ka-kampong². Dan dengan yang demikian tidak-lah dapat Dresser ini memberi perkhidmatan yang chukup kapada orang² yang datang ka-Clinic untuk mendapat pepeiksaan dan lain²-nya.

Sa-bagaimana saya sebutkan dahulu bahawa Tumpat di-cheraikan dengan

jajahan Kota Bharu oleh sungai Kelantan yang besar, oleh sebab yang demikian apabila ada kemalangan atau pun orang yang dapat sakit berat terpaksa di-bawa menyeberang sungai dengan motor-boat. Perkara ini mengambil masa menyeberang sungai itu, harus-lah si-sakit terok itu menghembus nafas-nya di-dalam perjalanan pergi ka-hospital ka-Kota Bharu itu.

Tuan Pengerusi, oleh sebab bilangan penduduk yang banyak ini dan kesesuaian untuk menyeberangi sungai dan lain² lagi sangat-lah mustahak di-dirikan sa-buah hospital walau kechil sa-kali pun dengan di-kawali oleh sa-orang Doctor sa-lain daripada sa-orang Dresser. Dengan ada-nya Rumah Sakit dan sa-orang Doctor ini baharu-lah kesihatan penduduk² di-dalam kawasan Tumpat itu dapat di-bela. Dengan yang demikian saya sa-kali lagi merayu kepada Kementerian Kesihatan ini mengadakan sa-orang Doctor di-kawasan saya itu, sekian.

Enche' Mohamed bin Ujang: Tuan Pengerusi, sa-telah di-kemukakan Anggaran Perbelanjaan ini sa-malam, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah berkata bahawa dia akan berikhtiar dan menjalankan kerja sa-boleh²-nya dengan wang yang di-khaskan kepada Kementerian ini. Tuan Pengerusi, dalam perbahathan ini saya akan berchakap chuma berkenaan dengan wang yang telah di-untokkan itu. Tuan Pengerusi, kita sekarang telah menyedari bahawa keadaan kesihatan dalam negeri kita ini sa-makin sa-hari sa-makin baik, sungguh pun ada di-antara Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak mengakui kebaikan itu. Tuan Pengerusi, saya ada-lah bertentangan dengan fikiran Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tadi kerana saya fikir wang ini atau pandangan Kerajaan hendak-lah medahulukan daerah² yang di-luar bandar daripada bandar², kerana sa-masa dahulu daerah² dalam pekan ini telah mendapat layanan yang lebeh baik daripada kampung² atau luar bandar. Yang demikian saya harap kepada Kementerian ini supaya di-dalam menjayakan atau melaksanakan ranchangan ini sa-boleh²-nya di-istimewakan pembahagian itu kepada luar² bandar.

Tuan Pengerusi, saya harap kemudahan² atau pun service yang di-bawakan ka-kampung² ini dapat di-baiki lagi, umpama-nya Travelling Dispensary yang di-hantarkan ka-kampung² itu. Saya dapati kadang² kereta Dispensary yang di-hantar ka-kampung² ini pegawai²-nya chuma berbuat sa-bagai menjual ubat sahaja. Bila² dia merawat orang² kampung itu di-tanyakan-lah kepada mereka itu apa sakit dan pegawai itu tidak ada menjalankan pepeiksaan kepada orang² yang minta ubat itu. Kadang² Tuan Pengerusi, telah terjadi mithal-nya sa-orang suami datang meminta ubat bagi pehak isteri-nya dan bertanya-lah Doctor atau Hospital Assistant itu, "apa sakit-nya isteri awak?" Jawab-nya, "pening kepala". Maka di-bagi-nya ubat pening kepala saperti Aspro dan apa² lagi tetapi mereka itu tidak tahu si-sakit barangkali dia muntah² di-rumah barangkali dia hendak hamil. Jadi saya rasa yang elok-nya Hospital Assistant ini memeriksa si-sakit itu baik².

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan soal ini, saya dapati pandangan orang² kampung—penduduk² kampung selalu mendapatkan ubat di-Dispensary kerana mereka itu tidak puas hati layanan² oleh kereta² ubat tadi. Jadi untuk mengelakkan perkara ini berlaku hendak-lah di-beri satu arahan supaya Travelling Dispensary yang pergi ka-kampung² itu di-beri arahan supaya mereka itu memeriksa betul² orang² yang sakit sa-belum di-bagi ubat. Saya dapati banyak ubat yang telah di-bagi itu chuma di-buang² sahaja kadang² bila telah di-bagi ubat tetapi tidak di-makan, pada hal ubat itu berharga, jadi kalau hendak pereksa itu pereksalah betul² supaya perkara sa-macham itu dapat di-elakkan.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas muka 158 Sub-head 4 di-mana wang sa-banyak \$5,055,000 telah di-untokkan. Tuan Pengerusi, saya dapati pada masa dahulu, baharu dalam tahun ini satu perkara telah berlaku di-Negeri Sembilan ia-itu di-dapati wang di-khaskan untuk belanja anti-malaria itu tidak menchukupi, saya di-fahamkan ada satu atoran Kerajaan Negeri Sembilan menambah

wang yang di-adakan oleh Kerajaan Federal. Pada kali ini saya nampak itu tidak bertambah. Jadi dengan keadaan dahulu saya rasa wang itu patut-lah di-tambah. Pada masa dahulu oleh kerana tidak ada wang banyak pekerjaan² telah tertahan dan banyak buroh² yang bekerja itu di-berhentikan kerja. Berhubung dengan ini ada satu perkara yang mendukachitakan kerana pada masa baharu ini Jabatan Kerajaan yang berkenaan di-Negeri Sembilan telah memanggil antara memilih buroh² di-dalam Negeri Sembilan untuk di-ambil bekerja, di-dalam surat panggilan itu ada dengan macham² syarat, mesti ada akuan daripada orang² kenamaan dan sa-bagai-nya dan lebeh kurang 300 orang telah datang. Apabila orang² itu telah datang, maka di-ambil orang lama dan orang² lain itu balek-lah tempat masing². Jadi, ini ada-lah satu perbuatan yang tidak baik kerana orang² itu ada-lah datang dari jauh. Di-suroh orang itu datang di-tengok muka sahaja kemudian di-suroh balek. Perkara ini hendak-lah di-ambil perhatian.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara berkenaan dengan kereta ubat. Saya harap-lah supaya di-beri perhatian yang lebeh kepada orang² kampung di-FLDA Scheme. Tempat² yang sa-umpama itu saya dapati tempat² kampung menanam sa-mula itu orang² itu dudok berjauhan daripada pekan, daripada tempat saya jauh-nya 25 batu juga 25 batu dari Bahau. Tempat itu saya harap pandangan hendak-lah di-berikan, dan kereta ubat itu di-mintalah melawat sa-kurang²-nya satu minggu dua kali.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan muka 160 Sub-head 32 ia-itu Contribution to National Women Association of Malaya. Tuan Pengerusi, saya tidak nampak bagaimana-kah perkara itu berjalan yang belum mendatangkan kebaikan-nya betul². Saya nampak pegawai² badan ini chuma isteri² orang besar² sahaja. Mereka² ini perasaan-nya tentu-lah tidak saperti perasaan orang² kampung. Saya dapati Ahli² Jawatan-Kuasa itu pergi melawat ka-kampung mengshorkan perkara masak dan sa-

bagai-nya. Biasa-nya mereka itu di-ajar memasak ayam, memasak kueh dan sa-bagai-nya. Datang-lah orang² kampung ini bertanya, kalau bagini keadaan-nya apa-kah benda-nya yang kami hendak masak? Barang yang hendak di-masak pun tidak ada. Juga masakan² itu ia-lah masakan moden, apa yang kita kehendaki badan ini buat-lah satu peratoran yang boleh memberi faedah kepada orang kampung, bukan kepada orang atas² sahaja. Saya minta perhatian daripada Kementerian yang berkenaan. Saya nampak perintah ini hendak-lah di-semak balek. Tadi, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar ini membuat tudohan² yang saya fikir tidak patut sa-kali dan tidak layak di-buat di-dalam Dewan ini. Tetapi malang-nya Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu sa-bagai sa-orang pengechut, sa-lepas sahaja dia berchakap dia chabut lari.

Enche' K. Karam Singh (Damansara):

Mr Chairman, Sir, on a point of order—S.O. 36 (4) which says:

"It shall be out of order to use offensive and insulting language about members of the House."

If the Honourable Member speaking now has not got a very bad memory, he will remember that yesterday you, Mr Chairman, Sir, ruled the word "coward" out of order. Today it is now being used in the National language as "pengechut" by the Honourable Member. So I think as was done yesterday, the present speaker should be made to withdraw that word "pengechut".

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:

Tuan Pengerusi, saya ingat perkataan coward itu sama juga dengan perkataan bachul saya maseh ingat Tuan Yang di-Pertua lama mengatakan order, tetapi pengechut itu belum ada ruling daripada Chair.

Mr Chairman: The word "Pengechut" can be used (*Ketawa*); it is not an unparliamentary word. Tetapi saya minta jangan-lah di-sentoh² sangat itu-lah selalu-nya berbangkit huru-hara dalam Majlis ini. Sadikit² jadi-lah.

Enche' Mohamed bin Ujang: Tuan Pengerusi, itu-lah yang saya risaukan

Ahli Yang Berhormat itu lepas sahaja dia berchakap dia tidak ada, jadi, dia tidak tahu apa yang kita chakapkan.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, on a point of order—S.O. 36 (1) which says:

"A member shall confine his observations to the subject under discussion and may not introduce matters irrelevant thereto."

Even if the Honourable Member for Bungsar is not here, at least the Members of the Socialist Front are here and we are prepared to reply to anything that he may say. Sometimes the Honourable Member for Bungsar speaks and goes out, but it does not mean that he is a coward or something of that sort!

Mr Chairman: Ia, dalam perkara itu, sa-kali pun, kalau dia tidak ada, jangan-lah di-katakan dia takut barangkali dia mendengar di-dalam lobby atau pun ada Ahli² Socialist Front yang lain di-sini.

Enche' Mohamed bin Ujang: Saya harap biar-lah di-fahamkan apa yang saya maksudkan jangan-lah belum apa² lagi telah terlompat² hendak berchakap. Tuan Pengerusi, biasa-nya Ahli Yang Berhormat dari Socialist Front ini membuat tuduhan-nya yang bukan², tuduhan yang tidak ada di-siasat dan tidak di-semak atau pun di-tengok betul². Dia berkata khabarnya, saya dengar, keterangan yang saya dapat tahu, jadi berma'ana dia tidak ada proof yang betul² ada-kah perkara itu berlaku. Jadi, pada masa akan datang saya beri amaran kalau hendak membuat tuduhan biar-lah ada bukti-nya yang betul².

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, on a point of order—S.O. 36 (1). In the course of his speech, is it relevant for the Honourable Member to try and intimidate the Opposition by giving us warnings? I think the only person who can warn anyone in this House is Mr Speaker or Mr Chairman if we go out of order, and I do not think it is right for any member to warn any other member in this House. It is out of order.

Mr Chairman: Saya fikir dalam perkara ini ta' usah-lah memberi warning pada dia, memada-lah dengan memberi ingatan pada dia, dan saya harap benda yang sa-umpama ini tidak merosakkan peratoran tetap Majlis ini.

Enche' Mohamed bin Ujang: Tuan Pengerusi, terima kaseh, dan saya suka memberi ingatan kepada Socialist Front, sa-bagai yang saya katakan tadi, kalau hendak buat tuduhan hendaklah siasat terlebih dahulu sa-belum membawa tuduhan itu dalam Rumah yang mulia ini. Saya rasa tender yang di-buat itu ada badan-nya, tender makan pun ada badan-nya juga. Jadi tuduhan yang di-buat-nya itu ada-lah melulu, saya fikir perkara ini tidak ada berasas sama sa-kali. Maka itu-lah sebab-nya saya meminta kepada Ahli Socialist Front itu bila hendak berchakap membawa kedua² tuduhan itu, jangan-lah hendak-nya membuat tuduhan yang melulu.

Enche' Aziz bin Ishak: Tuan Pengerusi, saya hanya hendak berchakap sedikit sahaja dalam perkara Kementerian Kesihatan ia-itu berkenaan dengan apa yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri samalam berhubung dengan pelateh² jururawat, dan kita selalu mendapati sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli² Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan lain² lagi ia-itu kekurangan jururawat² kita Melayu yang masuk berlateh dalam ilmu jururawat ini. Dalam mengkaji soal ini, saya dapatlah sedikit sa-banyak faham berkenaan dengan mengapa-kah kurang anak² kita Melayu berlateh sa-bagai jururawat. Saya mendapat tahu, kadang² mereka ini, walau pun seperti yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkehendakkan kelayakan² yang sa-patut-nya, tetapi ada juga yang kita tahu bahawa anak² kita Melayu yang telah masuk itu ada mempunyai kelayakan yang sama seperti anak² bangsa lain, tetapi manakala mereka itu pergi *interview*, mereka tidak dapat kerja itu, dan ini pada pendapat saya, patut kita kaji dalam soal ini, kalau hendak membanyakkan jururawat² kita Melayu maka kena-lah rasa saya kita adakan satu quota

kapada bangsa kita Melayu bagi memasuki kerja dalam bahagian jururawat ini.

Satu perkara lagi tentang kelemahan, atau pun sebab-nya yang saya dapat tahu bahawa anak² kita Melayu kurang masok berlatih dalam jururawat ini, kerana kurang galakan daripada ibu bapa atau pun mereka itu sendiri ta' mahu bekerja dalam bahagian jururawat ini, mungkin barangkali ada sa-tengah²-nya mengatakan memasuki kerja jururawat ini kerja-nya kotor dan ada pula sa-tengah-nya ibu² bapa mereka ta' mahu menggalakkan dalam hal kerja ini, kerana barangkali ada sa-tengah kelakuan yang di-buat oleh jururawat ini ia-itu di-katakan mereka ini bila sudah masok kerja jururawat maka akhlak-nya kurang baik. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, kita hendak-lah mengadakan satu hostel, atau pun tempat bagi melatih jururawat ini dan hendak-lah kita adakan satu penjaga yang khas daripada orang Melayu yang beragama Islam, yang boleh mengajar chara Islam supaya jururawat² ini tidak akan melinchong sa-bagaimana yang di-katakan dalam surat² khabar saperti anak ayam turun ka-petang. Bagi mereka ini kita adakan sa-orang penjaga yang khas supaya menjaga anak² kita atau pun pelatoh² jururawat ini dalam hal akhlak-nya dalam masa mereka berlatih itu.

Sekarang saya hendak berchakap, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan tempat saya di-Muar sana ia-itu sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri sa-malam bahawa banyak doktor² baharu akan di-hantar ka-dalam negeri kita untuk berkhidmat di-sini, dan saya berharap di-Muar dapat di-tambah lagi doktor, kerana di-sana telah di-buka satu dispensary yang baharu yang mana telah di-kira pada tiap² hari di-out-door dispensary pada satu hari di-pukul rata sa-banyak 250 orang sakit. Saya harap, kalau dapat, di-hantarkan doktor khas di-sana bagi menjaga dispensary supaya dalam masa waktu dia bekerja jangan-lah hendak-nya dia pergi ka-ward, tetapi hendak-lah di-buat kerja khas di-dispensary, kerana manakala doktor yang ada di-sana sekarang ini bekerja

pada dua tempat, satu bekerja di-ward dan satu lagi di-dispensary. Jadi dia ta' dapat menumpukan tenaga-nya dalam dua² tempat itu.

Dan sa-perkara lagi apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Pasir Puteh ia-itu menderma darah—*blood bank*. Saya mendapat tahu, sa-telah rayuan di-buat oleh Kerajaan berkenaan dengan meminta darah ini, kebanyakan orang² yang menderma darah ini ia-lah daripada kalangan yang kechil, atau boleh di-katakan orang kampung. Jadi saya minta-lah, barangkali dapat kita, umpama-nya Ahli² Dewan Ra'ayat yang sihat² dapat bersama² kita menderma darah kapada tabong derma darah itu.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap dalam perkara perkhidmatan kesihatan yang sedang di-binchangkan ini, saya juga suka mengemukakan dengan berharap kapada Kerajaan, khas-nya Kementerian ini dalam usaha-nya hendak mengadakan perkhidmatan kesihatan, hendak-lah mengutamakan bagi faedah penduduk² luar bandar.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan langkah Kementerian Kesihatan yang hendak menjalankan kerja² menchegeh batok kering bagi kanak² dan mengadakan kempen X-ray bagi orang² ramai, saya rasa pekerjaan ini ada-lah memuaskan hati dan boleh di-puji, sunggoh pun demikian, saya berharap patut-lah pekerjaan ini di-luaskan lagi dalam bidang penerangan perubatan dan bantuan kapada mereka² yang miskin yang tidak berupaya bagi menchari nafkah hidup lagi.

Tuan Pengerusi, saya dapati banyak juga lagi bilangan orang² yang telah di-X-ray telah di-dapati ada mengidapi penyakit ini dan yang tidak dapat di-rawat dan di-ubat, dengan sebab mereka itu tidak datang ka-Pusat Perubatan, dan Pejabat Kesihatan tidak boleh membuat apa² kapada orang² ini.

Perkara ini sa-kira-nya di-biarkan, Tuan Pengerusi, ada-lah sangat membahayakan kesihatan keluarga mereka

itu dan kepada orang ramai, dan Kerajaan patut-lah menimbangkan perkara ini dengan lebih berat, dan sa-kira-nya mustahak patut juga diadakan undang² bagi membolehkan Pejabat Kesihatan mengambil langkah memaksa mereka itu di-tahan di-hospital atau pun di-rumah supaya dapat di-rawat dan di-ubat, atau pun satu chara yang lain, mithal-nya, Pegawai Perubatan sendiri boleh pergi ka-rumah mereka itu supaya mereka itu dapat di-ubat dengan di-pujuk atau di-beri lebih penerangan yang bersangkutan dengan perkara ini. Penyakit batuk kering ini, Tuan Pengerusi, ada-lah satu penyakit yang berjangkit. Dari itu penyakit ini seperti lain penyakit yang boleh menjangkit dan membahayakan kesihatan dan keselamatan umum, saya fikir patut-lah di-adakan satu undang² yang sa-suai untuk menchegeh-nya, dan membolehkan kaki-tangan Pejabat Kesihatan ini mengambil langkah yang lebih chergas bagi faedah mereka itu dan anak isteri-nya dan orang ramai 'am-nya.

Berchakap dalam perbahathan ini, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Sub-head 1, Item (1), saya minta kapada Kementerian ini supaya mengelakkan berlaku-nya orang ramai termakan rachun sa-bagaimana yang kita semua tahu melalui surat² khabar, dalam ingatan saya ta' salah baharu² ini dua keluarga telah termakan rachun di-dalam sa-buah kampung di-Negeri Johor. Sunggoh pun, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab ia-itu perkara ini tidak bersangkutan dengan Kementerian-nya ini bersangkutan dengan Kementerian Pertanian, tetapi saya dapati ada kait-mengait atau pun kena-mengena. Saya harap Kementerian ini menchari jalan memberi penerangan kepada penduduk di-kampung supaya menjauhkan atau mengelakkan mereka itu mengambil daun² atau barang² yang hendak di-gunakan oleh mereka seperti daun membungkus tapai dan lain², sebab penduduk di-kampung² maseh banyak lagi yang ta' tahu membacha. Mereka itu tidak tahu sa-kira-nya ada papan² notis di-dalam ladang getah yang mengatakan pada masa ini dalam ladang getah ini ada menaroh ubat

rachun arsenate dan mereka tidak boleh mengambil bahan² sayor dan daun² yang ada di-situ. Sa-bagaimana yang saya katakan molek-lah Kementerian Kesihatan mengambil langkah dan memberi penerangan dan nasihat kepada penduduk di-kampung supaya menjauhi perkara ini. Kita sakalian tentu-lah berasa insaf sebab lebih daripada satu keluarga baharu² ini telah terkorban nyawa-nya, bahkan, Tuan Pengerusi, boleh saya lanjutkan bukan sahaja nyawa manusia, tetapi juga binatang ternakan mereka terkorban. Telah banyak kali berlaku ternakan orang² kampung dalam kawasan saya seperti kerbau, lembu dan kambing masuk dalam kawasan itu termakan rachun dan habis mati, mereka² itu merungut rugi sebab mata pencharian mereka itu bergantung kepada ternakan-nya.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, berkenaan dengan latehan bidan, sa-bagaimana Menteri Kesihatan telah menjawab soalan atau pertanyaan saya berkenaan dengan kekurangan bidan dalam negeri Kedah. Di-dalam Item (117) ada peruntukan sa-banyak \$441,776 untuk melateh bidan. Saya suka hendak tahu di-antara sa-ramai 135 orang itu ada-kah termasuk untuk di-hantar ka-negeri Kedah, sa-bagaimana yang telah di-jamin oleh Menteri Kesihatan sa-masa menjawab soalan saya ia-itu bagi negeri Kedah akan di-beri latehan sa-ramai 30 orang yang akan di-mulakan pada bulan March, 1963. Saya harap dalam perkara ini Menteri Kesihatan akan memberitahu saya untuk menyenangkan hati saya. Sakian-lah sahaja, terima kaseh.

Enche' Hassan bin Mansor: Tuan Pengerusi, saya berasa kesal kepada Yang Berhormat dari Bungsar, kerana suka membuat tudohan terhadap General Hospital Melaka, beliau angkat kaki keluar. Ini-lah sifat yang selalu menimbulkan huru-hara dalam Dewan ini, kerana sa-telah membuat tuduhan mereka tidak sanggup mendengar jawapan² yang akan di-beri oleh pehak yang berkenaan. Saya fikir di-antara tiga tuduhan yang di-keluarkan oleh Yang Berhormat dari Bungsar, dalam soal tender dan ubat

itu saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri menjawab-nya kerana itu soal dalam hospital, tetapi saya hendak terangkan dalam soal makanan. Soal makanan ini memanglah tidak dapat di-sembunyikan, kerana benda itu terdedah, tiap² orang yang melawat dapat menengok-nya, lebeh² lagi saya yang tinggal di-Melaka selalu pergi ka-hospital, dan saya sendiri pun sudah masuk hospital waktu saya sakit dahulu sa-lama tiga minggu, dan Yang Berhormat Ahli dari Melaka Utara pun selalu juga pergi ka-hospital. Kami berdua tidak pernah menerima bantahan daripada orang ramai dalam soal makanan, dan saya sendiri sudah melihat makanan yang di-hidangkan kepada orang sakit dalam General Hospital itu.

Boleh jadi apa yang di-fahamkan oleh Yang Berhormat dari Bungsar itu bagini: Sa-tahu saya sa-lepas makan di-hidangkan pula buahan². Barangkali Yang Berhormat dari Bungsar biasa-nya lepas makan—makan sيره—bila di-beri buahan² tentu-lah tidak sa-chuchok dengan kemahuan-nya. Itu-lah sebab-nya dia mengatakan makanan yang di-hidangkan itu tidak bagus. Jadi tuduhan yang saperti ini tidak bertanggung-jawab, kerana kami lebeh dekat daripada dia yang hanya mengikut keterangan dan puncha yang di-perchayai, dia sendiri tidak menengok dan menyaksikan apa benda yang sa-benar-nya.

Saya bangun ini ada-lah menolak tuduhan-nya yang mengatakan makanan General Hospital Melaka tidak bagus dan tidak sa-suai itu.

Enche' Ng Ann Teck (Batu): Mr Chairman, Sir, I wish to speak on Sub-head 1, item (1) under Personal Emoluments, and Sub-head 3, Allowances to Inmates employed in Leper and T.B. Hospitals under Other Charges, Annually Recurrent.

Mr Chairman, Sir, it has become a fashion these days for the Minister to give press statements, talks, etc., asking people not to have prejudices on leprosy and ex-leprosy patients. These are very noble expressions, but how far has the Government gone in helping

these unfortunate persons? Let us look at the treatment meted out to the inmates of the Sungei Buloh Leper Settlement. By a letter from the Director of Medical Services dated 30th April, 1956, the Ministry of Health ruled that: (1) the inmate staff should be paid allowances at the daily rate equivalent to the basic salaries or wages of comparable Government staff less 20 per cent for disability, and there should be a deduction of \$30 per mensem to cover food and other service; (2) claims for pensions, gratuities, sick leave and other benefits normally given to Government staff should be rejected. Sir, in the first part of the first condition, the Government is deducting 20 per cent for disability. It must be remembered that the inmate staff employed are persons who are more or less cured and who are fit and able to carry out the duties that are entrusted to them. Thus this discrimination on the part of the Government is a clear indication of Government's prejudice; yet at every available opportunity the Minister has never forgotten to blame the people for their prejudices on these ex-leprosy patients. How then is the public to accept these unfortunate people as social equals when the Government itself is discriminating against them and using them as a means of cheap labour? If the Government is sincere in its attempt to rehabilitate these unfortunate people into society, then the Government must pay them as they would any Government servant. Thus I plead with the Minister of Health to give this matter his urgent attention, and correct the wrong which these unfortunate persons have had to bear all along. Another blatant example of the discriminatory method employed by the Government is witnessed in the second condition of the directive from the Ministry in that none of the inmate staff is allowed sick leave and other benefits. Thus, if an inmate staff were to be down with a mild flu or headache, thus causing him being unable to work for a day or two, he has to go without pay. Why is this so? Is it because he is a leper? Mr Chairman, Sir, we cannot after all this expect the general public to be so naive as to believe the

Government, when it says that cured lepers are normal and should be accorded normal treatment in society. If this is so, why does the Government deprive the lepers of the benefits given to Government staff? The Government must make the inmates not only to feel equal but are equal.

Sir, the most sore point among the poor inmates in the Sungei Buloh Settlement is the second part of the first condition. By this each inmate has to pay \$30 per mensem to cover food and other services. Mr Chairman, Sir, this is most unfair and unjust. As early as 26th September, 1960, the Sungei Buloh Settlement Council, on behalf of the inmate staff, wrote to the Director of Medical Services regarding this gross injustice, and with your permission, Sir, I would like to read from a copy of the letter which is self-explanatory:

"We beg to submit that the deduction of \$30 per mensem to cover food and other services from our monthly allowances is not fair, or just. First of all our allowances are very meagre in comparison to the wages of the Government servants of our standard. Secondly, nowhere in the world, according to our information, a Government hospital charges the poor and helpless patients for the food supplied to them. As you are aware, we are here by force of circumstances beyond our control. A deduction of \$30 takes away a substantial part of our earnings."

After many reminders, the Ministry of Health, some one year later, on the 27th October, 1961, replied saying that the matter is receiving active consideration at the Ministry and that the outcome of the decision will be informed to them in due course. After further reminders were sent, the Medical Superintendent of the leprosarium replied on the 6th January, 1962, stating that the Secretary of the Ministry of Health and Social Welfare had advised that the matter was still under consideration. After one year and three months, Sir, this matter is still receiving attention. It is ridiculous to think that even after giving active consideration, the Ministry has yet to come to a decision after a period of one and a quarter years; and on the 8th September, 1962, the Medical Superintendent of the leprosarium informed that he had received notification from the Secretary

of the Ministry of Health that the matter was again under active consideration—but this time, by the Treasury. Thus it takes two years for a letter under active consideration to be sent to the Treasury by the Ministry of Health—and now this matter is again under active consideration by the Treasury. If the term "active consideration" has any meaning, it only implies that presumably the Treasury may take another two years before the inmates can get any substantial reply.

Sir, I hope that the present Minister of Health will give priority to this matter, and I also hope that the term "priority" carries its basic meaning and not corrupted as the term "active consideration" had been.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, saya sangat² kesal dan dukachita di-atas chakapan yang telah di-tunjokkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar kerana sa-telah dia melemparkan lumpor kepada beberapa orang Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini dan pegawai² Kerajaan dia tidak mempunyai courtesy untuk duduk dalam Dewan ini mendengar jawapan² dari pihak Kerajaan dan penyokong² Kerajaan. Lagi satu perkara yang sangat² saya kesalkan ia-itu perchakapan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tadi yang menunjukkan betapa dia menchuba hendak menentang keputusan dan perintah daripada Tuan Pengerusi sendiri. Barangkali, Tuan Pengerusi ingat lagi ia-itu apakala Ahli Yang Berhormat itu menarek perhatiannya

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, on a point of order—S.O. 36 (1). I think that this point of order, when the Honourable Member for Bangsar was speaking, was decided then and there. I think, Sir, you are the only man who can refer to this. It is completely irrelevant on the part of the Honourable Member for Johor Tenggara to revive or try to bring up a point of order which has already been decided by Mr Chairman.

Mr Chairman: He has a right to reply to the allegation made by you just now. (Applause).

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Berhubung dengan Peratoran 67 (5) saya telah nampak bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tidak menghormati keputusan daripada Tuan Pengerusi sendiri. Dan di-sini juga kita telah menengok dengan rasa dukachita dan dengan rasa kesal dan sedeh nasib Dewan ini ia-itu apakala sa-orang menegor dia bangun meminta order, bukan Tuan Pengerusi meminta apa order tetapi Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu sendiri buat pada hal . . .

Enche' K. Karam Singh: Sir, again, on the same point of order . . .

Mr Chairman: He has a right to say something on that. That is an explanation by him. Please proceed.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, apakala Ahli Yang Berhormat itu di-tegor dengan mengatakan order dan perkara yang berkaitan dengan atoran meshuarat ini dia tidak memperdulikan Tuan Pengerusi dan minta apa order. Pada hal, Tuan Pengerusi, mengikut Standing Order yang ada di-hadapan kita ini ia-itu 37 (1):

"jika hendak mengeluarkan tegoran berkenaan perkara tertib meshuarat. Ketika itu ahli yang sedang berchakap itu hendak-lah duduk . . ."

Enche' Tan Phock Kin: Sir, on a point of order—S.O. 35 (9), which reads:

"No reference shall be made in any debate to the conduct or character of any Member of Parliament or of any public servant, other than conduct in the capacity of Member of Parliament or public servant, as the case may be."

Mr Chairman: I have told just now that he explains the order stated by the Opposition! Please proceed.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, ini-lah yang saya hendak menarek perhatian Dewan ini, saya tidak tahu apa-kah nasib Dewan ini daripada Ahli² Yang Berhormat seperti Ahli daripada Bungsar itu. Tidak tahu menghormati dan tidak tahu memandang tinggi kepada Tuan Pengerusi. Jika bagini-lah telatah dan

gaya Ahli Yang Berhormat dari Socialist Front, khas-nya Ahli dari Bungsar itu maka saya tidak tahu—apa yang akan terjadi, Tuan Pengerusi. Saya yakin dan perchaya Tuan Pengerusi akan menggunakan segala kuat-kuasa yang ada dalam tangan Tuan Pengerusi untuk mententeramkan Dewan ini. Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, telah menjadi kebiasaan pihak Socialist Front ini mendatangkan tuduhan² yang burok, tuduhan² yang tidak berasas melemparkan segala kekotoran dan lumpur, kemudian lari. Chontoh-nya sa-malam kita telah tengok Ahli yang Berhormat wakil daripada Tanjong telah mendatangkan berbagai² perkara . . .

Enche' Tan Phock Kin: Mr Chairman, Sir, on a point of order—S.O. 36 (1). We are not concerned with the debate of last night.

Mr Chairman: Itu tidak ada kena-mengena.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Apa yang berlaku sa-malam dan pada pagi ini Tuan Pengerusi, ia-itu apakala Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tadi menyebutkan berkenaan dengan tender dan hospital, saya bukan-lah hendak mengambil tempat Menteri yang berkenaan kerana ini ada-lah hak-nya, tetapi satu perkara yang saya hendak sebutkan ia-lah sa-bagai wakil ra'ayat yang mempunyai tanggung-jawab sapatut-nya sa-belum perkara itu dibawa ka-dalam Dewan ini hendak-lah dia pergi menyiasat perkara itu dan bawa ka-pengetahuan Menteri yang berkenaan supaya tindakan itu dapat di-jalankan, sa-belum terlewat masa-nya Tuan Pengerusi. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Socialist Front itu nampak-nya hendak menggunakan Dewan ini untuk flatform propaganda mereka. Saya fikir puak pembangkang dari Socialist Front yang bertanggung-jawab faham bahwa mereka hendak-lah mengemukakan chadangan² dan fikiran² yang boleh membena negeri ini dan ra'ayat negeri ini, bukan menchuba menchari kesalahan dan melemparkan segala kekotoran di-dalam Dewan ini. Bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sa-malam bagitu-lah telatah-nya. Kira-nya Ahli Yang Berhormat

dari Bungsar tadi berasa tidak puas hati atas satu² perkara yang berlaku di-Melaka atau di-mana² juga, dia wajib menyiasat dan membawa perkara itu ka-pengetahuan Menteri yang berkenaan. Apakala Menteri yang berkenaan atau Kerajaan endah ta' endah barangkali Tuan Pengerusi, mereka itu berhak membawa motion tidak percaya dalam Dewan ini atas Menteri yang berkenaan itu. Tetapi saya hairan, Tuan Pengerusi, ini-lah dia datang pagi² melemparkan tuduhan, kemudian chabut lari dan saya dapat fahaman dia lari itu kerana dia menghadhiri meshuarat Trade Union entah hendak mengasut Trade Union itu supaya mogok

Mr Chairman: Itu tidak ada kena-mengena dengan bahathan kita ini.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, di-sini saya ingin hendak berchakap sedikit berkenaan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkenaan dengan jururawat Melayu. Saya suka mendengar bahawa ucapan itu datang-nya dari Ahli PAS yang saya sangat senang hati dan mengalu²kan ucapan itu. Tetapi nampak-nya Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah chuba hendak membebaskan kesilapan nurse dan jururawat dalam hospital maka Kerajaan yang ada sekarang ini di-salahkan. Saya tidak dapat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi walau bagaimana pun saya puji chakapan yang datang dari Ahli Yang Berhormat dari PAS, saya puji benar². Kurang-nya perempuan Melayu dalam hospital² itu berpuncha pada pandangan saya, bukan terbit puncha-nya daripada kechuaian Kerajaan hendak membelakangkan perempuan Melayu. Kalau kita kaji musharakat Melayu daripada sa-belum perang dan bagaimana kongkongan tok² guru agama mengatakan perempuan hendak belajar tidak boleh, hendak bebas tidak boleh, maka di-sini-lah timbul dan terbit-nya sebab² mengapa perempuan Melayu hari ini kekurangan dalam hospital². Kalau kita hendak menengok nurse dalam hospital sa-belum perang menchari sa-orang pun sangat sukar kerana itu

bukan-lah salah Kerajaan, bukan-lah salah siapa tetapi salah musharakat kita orang Melayu yang di-kongkong oleh tok² guru

Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, itu terlalu berat, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu waktu dia menjadi Ustaz dahulu mungkin dia juga ada mengongkong (*Ketawa*).

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Saya tidak dengar, Tuan Pengerusi, minta di-ulang penerangan dia (*Ketawa*).

Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda: Saya bimbang Ahli Yang Berhormat itu pernah dia menjadi Guru Sekolah Ugama dan chuba mengongkong tidak tahu-lah (*Ketawa*).

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Saya dengan Ahli Yang Berhormat itu satu sekolah (*Ketawa*): kongkong tidak kongkong dia-lah yang tahu! Jadi, Tuan Pengerusi, saya berchakap dari segi kenyataan dan hakikat. Kerana perkara ini kalau kita perhatikan hospital di-negeri² Islam yang lain pun macham ini juga. Saya bawa tuan perhati di-negeri Masir umpamanya. Kebanyakan orang² yang bekerja itu ada-lah orang² yang beragama Kristian. Jadi, di-sini kita tidak-lah boleh menyalahkan sa-siapa tetapi ada-lah di-sebabkan keadaan masa dan saya harap-lah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu dapat memahami kedudukan musharakat sa-belum dia memupok kesalahan ka-atas Kerajaan. Saya berharap muballigh yang di-angkat oleh Kerajaan Kelantan di-sana

Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda: Untok penerangan, itu chontoh Masir, Tuan Pengerusi, bagaimana pula chontoh negeri Hadramaut dan Yaman?

Mr Chairman: Tidak, dia beri mithal-nya sahaja.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Kalau saya hendak sebutkan, banyak chontoh saya boleh sebutkan. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya seronok mendengar fikiran² baharu dan moden dari PAS dan saya harap tok² guru di-sana

akan di-angkat menjadi muballigh, dan akan di-buat kempen yang bersungguh² bagi menggalakkan perempuan² Kelantan masuk menjadi jururawat.

Toh Muda Haji Abdullah bin Haji Abdul Raof (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya hanya sedikit sahaja hendak berchakap dalam meshuarat ini. Sambil saya menyokong peruntukan belanja bagi Kementerian ini dan juga saya mengalu²kan tambahan doktor dan bidan bagi tahun 1963, saya suka merayu kepada Kementerian ini supaya tidak melupakan di-tempat saya, Kuala Kangsar yang pada masa ini doktor hospital perempuan ada-lah sangat kekurangan. Pada masa sa-belum perang dahulu, doktor perempuan di-Kuala Kangsar ada mempunyai dua orang doktor dan sa-lepas perang Jepun sampai pada tahun 1954 atau 1955, kalau ta' silap saya, maseh ada dua orang doktor juga, tetapi sa-lepas itu sa-orang doktor telah bersara atau pun di-tukarkan, dan semenjak itu tidak ada ganti-nya sampai pada hari ini ia-itu ta' kurang dari empat tahun yang lepas. Orang² yang sakit ada-lah bertambah², tetapi saya tiada bersedia untuk memberi angka dari satu masa ka-satu masa berapa-kah banyak orang² sakit kalau sa-kira-nya di-kehendaki boleh-lah dalam tahun hadapan nanti saya akan beri, atau pun kalau sa-kira-nya Kementerian ini berkehendakkan angka itu pada masa ini juga maka akan berakhir untuk mendapatkan-nya. Sa-tahu saya, apa yang di-katakan oleh orang² di-sana lebeh² lagi kaum ibu mengatakan orang² yang sakit terlalu banyak dan out-patient bertambah² banyak pada masa ini. Jadi ini telah menyebabkan sa-orang doktor yang ada pada hari ini, ta' ada chukup masa-nya untuk hendak merawat orang² sakit itu. Apa yang terjadi pada orang² sakit itu terutama-nya kaum ibu telah menunggu berjam² sejak dari pukul lapan pagi hingga sampai pukul dua petang baharu-lah selesai. Keadaan yang samacham ini sangat-lah ta' memuaskan. Oleh itu, saya merayu kepada Kementerian ini supaya pada tahun 1963 sa-bagaimana yang di-katakan ada bertambah doktor tidak melupai menghantar satu doktor perempuan ka-Kuala Kangsar.

Yang kedua, saya hendak berchakap berkenaan dengan bidan yang hendak di-tambah pada tahun hadapan. Saya maseh ingat lagi ia-itu pada tahun sudah, saya telah merayu kepada Kementerian ini supaya mengadakan sa-orang bidan di-Kampung Bakok, tetapi sa-hingga hari ini ta' di-beri lagi. Sa-bagaimana yang saya katakan dahulu, kampung itu jauh sangat dan terpenchil pula, jauh-nya ada-lah lebeh kurang 20 batu dari Kuala Kangsar dan menyeberang sungai Perak pula. Oleh itu, saya harap supaya Kementerian ini menghantar sa-orang bidan ka-kampung itu.

Yang ketiga, pada muka 158, Sub-head 4—Anti-Malarial Services. Anti-Malarial Services di-Kuala Kangsar sa-memang ada, penyakit malaria tidak begitu banyak, tetapi apa yang kita dapati di-sana ia-lah nyamok terlalu banyak, lebeh² lagi di-rumah sakit Kuala Kangsar ada mempunyai dua mosquito proof ward, tetapi dalam ward ini sunggoh pun di-katakan mosquito proof tetapi di-dalam-nya ada di-dapati banyak nyamok. Yang pelek-nya ia-lah ward yang menggunakan mosquito proof ini, apabila nyamok masuk ka-dalam-nya ta' dapat keluar lagi dan akan makin bertambah, dan pada masa tiga tahun yang sudah, saya juga menjadi pelawat hospital Kuala Kangsar, tetapi pada tiap² kali saya melawat, saya menerima rungutan daripada orang² sakit mengatakan nyamok telah banyak. Sa-tiap kali saya melawat di-sana, saya telah menulis repot dalam buku untuk-nya meminta supaya di-adakan dengan apa jalan sa-kali pun supaya dapat di-hapuskan nyamok² itu, tetapi nampak-nya sampai hari ini juga kerap kali orang² mengatakan nyamok itu maseh banyak. Saya minta-lah kepada Kementerian ini bagi menjalankan apa² ikhtiar juga supaya dapat di-musnahkan nyamok yang ada dalam ward yang ada mosquito proof itu.

Yang keempat, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan National Tuberculosis Control Programme sa-bagaimana yang tersebut dalam Sub-head 56 pada muka 160. Saya sukachita mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan sa-malam

yang mengatakan penyakit batok kering ada-lah bertambah kurang. Di-Kuala Kangsar tiap² bulan ada repot di-bentangkan dalam Majlis Bandaran tetapi ada satu perkara yang saya sangat kesal dalam perkara ini. Saya selalu mendatangkan pertanyaan dalam Majlis Bandaran itu ia-itu di-mana-kah datang-nya penyakit ini? Ada-kah disebabkan rumah yang tidak cukup syarat² kesihatan seperti jendela tidak cukup untuk mendapat udara yang baik dan cahaya mata hari? Kerana mengikut pendapat ilmu kesihatan tempat yang sa-macam itu boleh mendatangkan penyakit batok kering. Jadi saya hendak mendapat keterangan sama ada *case* yang di-bentangkan itu datang-nya daripada rumah yang sa-macam itu. Saya mendapat jawab daripada pegawai yang berkenaan mengatakan perkara itu ada-lah *confidential* tidak boleh di-bentangkan. Jadi saya pun menjawab mengatakan sabagai Wakil Ra'ayat dan Ahli Majlis Bandaran ada-lah bertanggung-jawab dan kami suka hendak tahu penyakit yang berlaku dalam kawasan itu dan chara² hendak menghapuskan atau mengurangkan penyakit itu. Jadi sampai hari ini nampak-nya pegawai itu berdegil tidak mahu memberi tahu.

Jadi, saya harap Kementerian ini memberi keterangan, sama ada saya berhak bertanya dan mengambil tahu di-atas apa² juga yang berlaku di-dalam kawasan itu sa-bagai Ahli Majlis Bandaran. Ini-lah sahaja perkara yang saya hendak kemukakan kepada Kementerian ini.

Dr Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Nutrition Officer di-dalam Item (221). Ada satu perkara yang saya hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ia-lah berkenaan dengan sistem homeopathy. Sistem ini telah di-akuī (recognized) oleh negeri² lain yang bertamaddun dalam dunia ini. Saya harap Kementerian ini mengadakan penyiasatan atau menambah therapy dengan homeopathy ini. Saya men-chadangkan kepada Kementerian ia-lah memandangkan hospital² di-negeri² yang maju seperti Britain, India, Pakistan dan Amerika ada memakai sistem

homeopathy ini, dan di-dalam per-chubaaan saya sistem ini di-dapati sangat sa-suai dengan anak negeri ini, terutama orang Melayu. Sistem ini telah mendapat sambutan di-Pakistan dan India. Ubat-nya murah daripada ubat² yang lain. Yang kedua, khasiat ubat ini ada-lah sa-suai dengan tenaga molecule atom yang di-namakan pontentised medicine yang boleh menyelamatkan banyak surgical case dengan kekuatan molecule atom ini sahaja boleh semboh. Ini, Tuan Pengerusi, ada-lah menguntongkan ra'ayat dan perbendaharaan Negara kita. Yang sa-benar-nya, perkara ini saya telah bawa banyak kali dalam Dewan ini. Saya suka hendak mendengar jawapan daripada pihak Kementerian bagaimana sikap-nya terhadap sistem homeopathy ini?

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Dieticians di-dalam Item (72). Saya fikir perkara ini sangat penting khas-nya orang Melayu dikampong² yang sangat kurang pengetahuan-nya dalam perkara ini. Saya hendak mendapat tahu sa-jauh mana penerangan² dan buku² telah di-sibar-kan berkenaan dengan zat dan mutu makanan. Ini ada-lah satu langkah yang baik sa-kali dalam chara hendak memajukan kesihatan dan kesuboran ra'ayat. Banyak penyakit yang timbul dalam negeri ini di-sebabkan salah makan dan tidak makan makanan yang berzat.

Sa-bagaimana yang kita sama tahu "prevention is better than cure". Oleh itu, saya rasa pejabat² yang telah saya sebutkan tadi hendak-lah mengeluarkan buku, menambahkan penyiasatan dan menerangkan kepada ra'ayat dengan sa-luas²-nya bahawa hendak-lah makan barang² yang berzat sebab ia boleh mengelakkan penyakit dan menguatkan tubuh. Ini ada-lah lebeh baik daripada kita menyediakan ubat atau pergi ka-hospital. Kita tahu banyak specialist dalam hospital itu dan Kementerian telah bekerja dengan harapan lebeh chergas. Ini akan memberi kesihatan yang lebeh dan dapat menjamin kesihatan bagi keturunan bangsa kita.

Jadi berhubong dengan ini, Tuan Pengerusi, saya berkehendakkan

supaya Kementerian ini dapat berhubung pertalian yang rapat dengan Menteri Pertanian juga, dapat diadakan Research berkenaan dengan tanaman² yang besar khasiat-nya bagi perubatan yang di-sebutkan dengan sebutan therapeutic. Begitu juga harga herbalism negeri ini yang berguna dalam satu² perkembangan bangsa² dalam perkembangan ilmu perubatan yang sekarang ini berguna di-usahakan penanaman-nya. Atau pelajaran dalam herbalism ini berguna bagi faedah pelajaran academic negeri ini dan berguna bagi perkembangan perniagaan. Sa-bagaimana kita tahu suatu masa dahulu tanah ayer kita ini terkenal dengan negeri spices island, negeri yang kaya dengan mengeluarkan spices—rempah² dan ini juga bermana-lah kesuboran penanaman ubat², atau pun project dalam negeri kita ini boleh di-adakan Research-nya dan kalau di-adakan perhubungan hasil²-nya nanti berguna bagi faedah academic perniagaan—commercial value dan begitu juga bagi faedah perubatan negeri ini sendiri. Hal ini, Tuan Pengerusi, kita lihat negeri Korea mithal-nya kerana Research di-jalankan oleh Kerajaan negeri itu pada satu jenis ubat bernama ginseng maka Korea telah dapat mengambil tempat dalam dunia mengeluarkan ginseng ini. Dan saya fikir tentu-lah Tanah Melayu ini dapat mengadakan Research dalam bahagian² herbalism ini pun akan mendatangkan faedah yang besar daripada beberapa segi dalam kemajuan perubatan, kesihatan dan perniagaan negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, di-dalam muka 159 nombor 26 berkenaan dengan Sea-Snake and Venom Research. Bahawa di-dalam perkembangan dunia perubatan yang akan datang, Venom Serum ada-lah menjadi satu perkara yang sangat penting di-dalam perkembangan perubatan. Sebab, mithal-nya di-dalam homeopathy dua jenis Venom dan Serum ini di-gunakan menurut Undang² Seraksi yang sangat berguna. Dan juga cheraian nombor 26 ini suka-lah saya menyatakan kalau perkara ini dapat di-besarkan lagi supaya dapat berhubung lebih luas dengan bahagian Research di-negeri²

lain yang Malaya dapat juga mengeluarkan Venom yang sesuai yang di-kehendaki oleh dunia.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan nombor 220 dan 221; saya ulangkan lagi bagi kepentingan mengadakan buku ini jikalau perkara ini di-fikirkan dan dapat di-berikan kepada siaran² perchuma dan mengadakan siaran² buku yang boleh di-jual.

Dan berchakap dalam muka 146 berkenaan dengan hospital ia-itu-lah berkenaan dengan kawasan saya di-Besut. Saya sa-lama sudah tiga tahun di-sini pernah menyuarakan perkara kekurangan² yang saya berharap supaya dapat-lah di-ator lagi dan ditambah terutama dalam ward perempuan dan ward batok kering yang boleh di-katakan champor adok di-sana sa-hingga membahayakan. Saya rasa di-dalam perkara perubatan hal ini ada-lah menjadi rungutan ra'ayat dan menjadikan orang² negeri itu mendapat keadaan dan layanan kurang elok. Jadi, saya harap di-bandar² dan di-tempat² yang ada hospital elok-lah di-baiki dan di-tambah lagi kerana keadaan-nya maseh sa-bagaimana chara lama dan perlu-lah membawa perubahan² dengan chara yang baharu pula.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, I find that in the course of this debate some of the speeches of the more out-spoken back-benchers of the Alliance were without reason, and I will illustrate that by an example. One of the Members of the Socialist Front spoke and then left the Chamber. Because of this, we were being accused of being frightened. Mr Chairman, Sir, in reply I would like to point out the abandoned places on the Alliance side and the absence of all Members of the Cabinet from the House. Following the argument of the Alliance back-benchers, are we to presume that all the Members of the Cabinet have run away in fear from this House? This only illustrates that what you get from the Alliance is a lot of words, but not very much reasoning in those words.

Mr Chairman, Sir, almost all the Alliance back-benchers have been thanking the Government for its work

under this Ministry. I do not know whether they are doing a duty, which they have been told to do outside this House, or whether they are really seriously thanking

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Mr Chairman, Sir, on a point of information. Bukan bagi pihak Ahli Yang Berhormat itu hendak judge kita menjalankan tugas dan kewajipan kita atau tidak.

Mr Chairman: Proceed.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, why I have given voice to this statement is that things are in a state of crisis in the Ministry of Health, and yet we find back-benchers thanking the Government for the very good condition in which the Ministry is being run. So, it is very strange—just like going to a funeral and rushing up to congratulate the relations of the man who has died. That is how the back-benchers of the Alliance are behaving.

Mr Chairman, Sir, if these people really knew anything about the Ministry of Health, they should be shocked and ashamed even to mention the name of this Ministry in this House. Those who know have had experience of the workings of the hospitals—the long queues, the great delay, and even serious cases have not been immediately attended to. Had they known of these incidents, I do not think they would dare appear in this House when this Ministry was being discussed.

Mr Chairman, Sir, this Ministry is like a wild horse which always throws off its rider, and the rider is none other than the Minister of Health. No sooner has he managed to get up on it, then the horse gets into all sorts of moods and tempers and throws off the rider. So the rider has got to look for a more peaceful Ministry and so it goes on and on.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Sir, on a point of order—Standing Order 67 (5). Nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu sudah mula-mula membahaskan lagi polisi Kementerian ini keseluruhan-nya. Jadi saya menarek

perhatian Tuan Pengerusi kepada Standing Order 67 (5).

Mr Chairman: I think 67 (5) applies. Don't touch on that aspect.

Enche' K. Karam Singh: I mention it as a matter of comment. Sir, next time when anyone wants to stand up on a point of order, I hope that he will look at the specific order first before looking at it afterwards.

Mr Chairman: It will be appreciated if you will concentrate your speech on the Ministry itself, because we have no more time left.

Enche' K. Karam Singh: My remarks, Sir, are quite in place because we have to have a Minister for this Ministry and so we can touch on the Minister and in regard to the constant goings and comings of Ministers. Therefore, Mr Chairman, Sir, we would want the present Minister of Health to bring the unsatisfactory state of his Ministry under control, so that we will not have these ever-mounting complaints against this Ministry.

Mr Chairman, Sir, one very important matter which, perhaps, has been overlooked by this Ministry is the great self-sacrifice of the medical officers who serve in our hospitals. I do not know why this is so, but perhaps it may be because of the great disaster in the Ministry owing to the lack of doctors, and thus there may occur slips here and there. However, it must be appreciated that the doctors who serve in the Government Service, are most selfless. The reason why I say this is that in private practice outside the Government Service, some doctors can in one or two days earn as much as one month's salary of a medical officer in the Government Service. Now, how can you have a proper Ministry of Health, if there is this extreme imbalance between the salaries of doctors in the Government Service and the income of those who earn in private practice? Sir, I am not asking for the salaries of these medical officers in Government Service to be raised, but what I am stressing to the Minister of Health is that you cannot have a properly run Ministry of Health,

if doctors are going to leave the Government Service as soon as they get a little experience, and then start earning fabulous amounts outside. The Minister must appreciate that it is the Government which accords any doctor the privilege of practising in this country and it is up to the Government to enlist these doctors, who are in private practice, for Government Service. The motive for practising medicine should be to render service to the sick and not entirely devoted to money-making, because . . .

Mr Chairman: That is not relevant!

Enche' K. Karam Singh: . . . because, Mr Chairman, Sir, however strongly . . .

Mr Chairman: When I say that it is irrelevant, you cannot continue on that theme. But you can speak on some other items in this Head.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, however, strongly many Alliance back-benchers may speak, the defects of our health system will not be cured unless we have a comprehensive medical scheme covering all medical officers, whether private or Government, in our country. It is no use building new hospitals, and having more and more buildings, if doctors serving in those hospitals are going to run away to earn more outside. So, what is most vital for the Government to bear in mind is to have a comprehensive medical scheme so that the private sector does not act to the detriment of the Governmental medical services.

Mr Chairman, Sir, I would now refer Subhead 21, Payment to Non-Government Examiners at Estate Dressers' Examination. I must bring to your attention the extremely grave injustices that take place because of Government's lack of imposing conditions in connection with these dressers' examinations. We find that only males go for these estate dressers' examinations, and you find that in estate hospitals only males attending to females—even estate women tappers giving birth are attended to by male dressers. The state of affairs is so serious and so immoral

that it must be rectified. Mr Chairman, Sir, I will quote to show the seriousness of the situation. In Geneva, Switzerland at a meeting which took place from December 4th to 15th last year Mr S. P. S. Nathan, President of the National Union of Plantation Workers, speaking on group hospitals, had this to say on this state of affairs—it is given in the 1962 January issue of the *Union Herald* and I quote—

"It is said that employers experience some difficulty in running the group hospitals because they are invariably unable to get the right people to run the group hospitals.

There are also no female nurses except in a very few cases. So during maternity and confinement cases male nurses are in attendance which is against the customs and manners of Asian people. So far as Malaya is concerned, this practice is abhorred as a loathsome custom. For these reasons it is the opinion of the plantation workers in Malaya that group hospitals should be taken over by the Government completely and run as Government institutes with proper facilities and qualified people."

Mr Chairman, Sir, so during maternity and confinement cases male nurses are in attendance. Although the President of the N.U.P.W. brought this matter up in Geneva, he has not thought fit to pursue this matter in Malaya. But I hope that all interested persons will pursue this matter.

When a certain Union brought up this matter on the 20th October this year, what had the employers to say to this? I will quote from the *Straits Times* dated Tuesday, October 30th, 1962:

"Women patients on estates were never examined by male hospital assistants unless the women gave their consent; an official of the Malayan Planting Industry Employers Association said today'. He was commenting on a resolution approved at the annual delegates conference of the Malayan Estate Workers Union yesterday condemning as immoral the practice of male hospital assistants examining women. The resolution called on estate managements to employ women nurses and midwives to treat women."

"The M.P.I.E.A. official said: 'Women are never examined by male hospital assistants unless they consent to it. I fail to see why the Union condemns the practice which is the standard procedure in any hospital.' The official added that the M.P.I.E.A. has not recognised this union."

"Two doctors said that the union resolution dealt with a touchy individual matter."

Mr Chairman, Sir, the spokesman of the Malayan Planting Industry Employers Association said that no women patients on estates were examined by male hospital assistants unless they gave their consent. Now, Sir, there is no question of their consent arising at all, because if the women were to refuse to give their consent to be examined by male hospital assistants there are no women to examine them. So this statement by the M.P.I.E.A. is untrue and without a basis. And how can the spokesman say that this is the standard procedure in any hospital? This is not the standard procedure in any hospital. This practice is only carried on in the estate hospitals.

Mr Chairman: Order, order! That criticism should not be brought here. That is a separate matter altogether.

Enche' K. Karam Singh: I am only explaining under this Subhead 21 that the Government has overlooked a matter which is of the greatest significance because it has failed to make it a condition in making payment to these non-Government Examiners that there must be a certain quota of female nurses who will serve in the estate hospitals in Malaya to look after the female patients on estates. Mr Chairman, Sir, I am sure our three Honourable sisters in this House will give very close attention to this matter because it concerns women.

Datin Fatimah: Tuan Pengerusi, untuk penerangan. Kalau sa-kira-nya untuk hendak memperjuangkan bagi kepentingan kaum perempuan, bukanlah sa-takat kami kaum perempuan sahaja yang di-tugaskan sedangkan Ahli Yang Berhormat itu pengundi²-nya ada-lah termasuk orang perempuan juga.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, we are grateful if the Honourable sister members will show greater interest in this matter.

Mr Chairman, Sir, now I will refer to Subhead 32, Contributions to National Association of Women's Institutes, Malaya \$75,000 "To be reviewed in 1963". Sir, we welcome contributions which will go specifically

to take care of the women in Malaya, but as I have said this contribution to the Women's Institutes only underlines the great importance of having female nurses for estate hospitals. It is no use giving money to Women's Institutes and then simultaneously for the Government not to have a policy of having a definite quota of female nurses for estate hospitals in Malaya. That is all I have to say.

Enche' Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam masaalah Subhead 1, Item (1). Dalam masaalah Kuala Lipis, saya suka hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ia-itu dalam masaalah ward batok kering di-Kuala Lipis, saya dapati ward batok kering dengan ward orang yang sihat terlalu rapat sangat. Pada himat saya, jauh-nya ada-lah lebeh kurang sa-jauh tiga depa sahaja. Saya tidak-lah hendak menuntut kepada Yang Berhormat Menteri ini supaya membuat bangunan baharu, kerana jawapan yang akan di-terima nanti ia-lah kekurangan duit, saya harap perkara ini mendapat perhatian.

Yang kedua, saya suka juga hendak berchakap dalam masaalah pegawai perubatan yang telah pergi ka-tiap² kampong bagi memberi ubat ia-itu sampai 15 hari sa-kali, dan pegawai itu juga yang pergi ka-daerah² sungai. Jadi saya harap perkara ini supaya ditambah sadikit dalam hal memberi ubat ka-kampong² dengan menambah pegawai² di-samping menambah ubat²-nya. Saya shorkan, dalam masa pasokan ini berjalan, tolong-lah bawa pembesar suara, umpama-nya rekod nyanyian, kerana ini ada-lah satu daripada di'ayah penarek dengan bunyi nyanyian itu bahawa sa-nya kereta ubat itu sudah sampai.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi saya hendak berchakap dalam masaalah jururawat perempuan, saya per-chaya ada Ahli yang telah berchakap dahulu daripada saya. Masaalah-nya ia-lah bila dia kahwin, dia tidak berpeluang naik pangkat dalam perkhidmatan-nya sa-bagai jururawat. Jururawat ini bila sudah kahwin, kalau dia mendapat pangkat (tanda) warna

merah, itu-lah sahaja dan kalau dia pakai selendang biru, maka tinggal-lah dengan selindang biru sahaja. Jadi dalam masaalah ini, kita jangan menchehah, kehendak alam—kehendak Tuhan. Oleh itu, saya minta kepada yang Berhormat Menteri ini sa-bagai sa-orang yang tahu bertimbang rasa supaya mengubahkan fikiran-nya bagi membenarkan jururawat² itu kahwin, dan dalam perkhidmatan jawatan-nya ia ada peluang di-naikkan pangkat hingga ka-Matron. Saya tidak-lah hendak berchakap bagi memburokkan pegawai² itu, dan ini saya bentangkan di-atas rasa peri kemanusiaan, oleh itu saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya syarat² ini di-buka dan di-longgarkan dan dengan yang demikian, rasa hendak naik pangkat yang tinggi tidak-lah terhenti dengan sebab telah kahwin.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak membawa pandangan Yang Berhormat Menteri kapada masaalah Penolong Rumah Sakit. Pegawai Penolong Rumah Sakit ini ia-lah pegawai yang mempunyai pengalaman berpuluh tahun. Apa-lah salah-nya kita membuat satu peratoran baharu membolehkan mereka itu menyambungkan pelajaran-nya sahingga menjadi sa-orang doktor. Saya tidak hendak mengurangkan kebolehan akademik kedokteran itu, tetapi saya memohon ini ia-lah kemudahan supaya Penolong Rumah Sakit itu di-beri perchubaaan, kesempatan membaiki nasib mereka sendiri dengan pengalaman mereka yang ada itu. Saya yakin mereka boleh berjaya, dan kalau tidak berjaya, mereka boleh memegang jawatan-nya yang lama. Sekarang kita boleh bandingkan, Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Pegawai Melayu dengan sebab dia lulus undang² dia di-beri kesempatan menjadi Pegawai Tadbir 'Awam Persekutuan. Kalau langkah ini di-chuba dan di-buat, kita bukan sahaja boleh mengatasi kekurangan doktor, tetapi kita memberi kesempatan kepada anak negeri ini membaiki nasib-nya dengan keadaan dan kebolehan-nya sendiri, tetapi masaalah ini tentu-lah lebeh berkesan lagi jika timbul daripada perasaan Kementerian Perubatan ini sendiri.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam masaalah bidan. Saya menguchapkan terima kaseh sebab bidan telah di-tambah, tetapi malang-nya bidan ini—saya minta ma'af—orang yang maseh muda ia-itu dara sunti. Jadi mereka ini tentu-lah tidak ada pengalaman. Jadi yang baik-nya kalau boleh beri-lah peluang kepada orang yang tahu masaalah bidan atau sa-kurang²-nya ada mengalami dalam hal bidan itu. Jika anak dara sunti kita beri peluang menjadi bidan kita rasa tidak hemat. Saya minta Yang Berhormat dari Dungun tidak mengemukakan balek perkara ini. Saya minta supaya orang yang sudah ada pengalaman hidup dalam masaalah bidan itu baharu-lah molek kita beri latehan periktikal dan teori

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam masaalah batok kering tadi di-dalam kawasan saya. Saya lupa hendak menerangkan tentang ward-nya kecil. Ada sa-orang pegawai kena penyakit batok kering telah di-champorkan dengan ward orang yang tidak kena batok kering. Pegawai ini mengikut tengkatan gaji-nya boleh duduk dalam ward Kelas Satu atau Kelas Dua. Per-kara ini pernah berlaku, Tuan Pengerusi. Oleh itu, dalam masaalah ini saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat satu ward yang berasingan, dan kalau boleh dirikan rumah batu yang baik untuk menggantikan ward yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berhubung dengan masaalah ranchangan kesihatan di-kawasan saya. Hanya baharu² ini hospital Serdahana telah di-buat di-Jerantut, tetapi di-lain² tempat projek kesihatan saperti di-daerah Lipis lembab sadikit. Saya boleh beri chon-toh satu tempat di-kampung Mela, \$1.00 tambang keretapi Kelas Tiga dari Kuala Lipis, mengambil masa 2 bulan hendak menyelesaikan masaalah tempat, sebab tempat itu tidak begitu menasabah. Saya dapat tahu ada dua tiga tempat lagi sub-centre akan di-buat dalam tahun 1963. Masaalah-nya bukan-lah tahun 1963 itu dekat

dengan pilehan raya, tetapi masalaahnya ia-lah lebeh chepat kita buat lebeh baik kesihatan penduduk² di-kampung. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyegerakan rancangan kesihatan dalam kawasan Lipis.

Enche' Ahmad bin Mohamed Shah (Johore Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya juga mengemukakan² Perbelanjaan Kementerian Kesihatan ini. Saya hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu berkenaan dengan Drugs sabagaimana yang tersebut dalam Sub-head 28 pada muka 159. Saya ada baca dalam surat khabar tidak berapa lama dahulu ada sa-jenis drug yang bernama "Thalidomide". Drug ini adalah sa-jenis pill. Guna-nya untuk menyenangkan kaum ibu beranak, konon-nya, tetapi di-dapati kaum ibu yang makan pill ini apabila melahirkan anak, sifat anak-nya itu tidak chukup. Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat ada membaca dalam surat khabar berkenaan dengan sa-orang perempuan yang memakan pill ini melahirkan anak yang tidak chukup sifat.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan ia-itu adakah pill ini di-gunakan dalam General Hospital di-Persekutuan Tanah Melayu ini?

Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Motor Boats and Engines di-dalam Sub-head 42 telah di-untukkan sa-banyak \$5,000. Saya fikir peruntukan ini sangat kurang, sebab negeri² di-Pantai Timor termasuk juga negeri Pahang kebanyakan penduduk di-sana tinggal di-tepi² sungai. Kerajaan patut mengadakan motobot dengan lebeh banyak lagi. Kalau kita bandingkan peruntukan kepada Lawn Mowers di-dalam Sub-head 41 kita dapati peruntukan-nya dua kali ganda daripada Motor Boats and Engines. Jadi nampak-nya Kerajaan mengambil berat lebeh kepada rumput daripada kesihatan ra'ayat.

Dan satu lagi perkara yang mustahak jikalau kita hendak mengeshorkan kepada ra'ayat² di-kampung² itu masuk

hospital atau di-rumah sakit, Kerajaan atau pun Kementerian yang berkenaan ini patut-lah memikirkan bagaimana chara-nya kita hendak menarek ra'ayat² itu terutama-nya yang tidak ada berpelajaran itu masuk hospital. Umpamanya jikalau-lah sa-saorang yang baharu kahwin tambahan pula dia orang miskin dan dapat sa-orang anak, ibu bapa-nya juga tidak ada lagi kalau-lah isteri itu dapat sakit dan suami-nya itu tidak ada bekerja, apa-kah jadi kepada anak yang berumor sa-tahun dua itu maka patut-lah dan saya shorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan sa-orang Baby Sitter dan isteri ini boleh masuk hospital. Dan juga di-adakan satu bangunan khas bagi perempuan² dengan mengadakan nurse² yang di-lateh untuk menjaga anak² yang kechil itu. Dan juga kanak² itu membolehkan doktor² atau pun penjaga-nya itu mengadakan medical check-up, sebab mustahak sekali waktu anak² itu kechil mesti dijaga kesihatan-nya.

Berkenaan dengan muka 159, ya'ani "Sea-Snake and Venom Research." Di-sini sa-tahu saya tidak banyak penduduk di-Tanah Melayu ini terutama penduduk² pantai timor tahu macham mana-kah hendak menyelamatkan diri-nya kalau-lah mereka itu di-patok oleh ular laut. Ular laut ini sa-tahu saya sangat-lah bisa dan ada juga barangkali ular yang tidak bisa. Kalau-lah di-adakan pamphlet menerangkan berapa jenis ular² yang bisa dan berapa jenis ular² yang tidak bisa dapat-lah kita tahu bagaimana kita hendak menyelamatkan penyakit itu.

Berkenaan dengan muka 154 ia-itu Dental Officer dan juga berkenaan dengan perubatan gigi ini. Sa-tahu saya doktor berkenaan dengan gigi ini tidak menchukupi bukan sahaja di-hulu² bahkan juga di-bandar² besar. Kebanyakan penuntut² sekolah yang kechil² itu gigi mereka itu banyak yang rosak, sebab tidak di-nasihatkan macham mana hendak menjaga makanan. Dan saya perchaya ini berkenaan dengan Dietician dan kalau tidak silap saya Dietician ini ada di-chatitkan di-muka 147. Barangkali juga Dietician ini ia-lah sa-orang yang menjaga atau menasihatkan bagaimana-kah hendak menjaga

makanan yang patut di-makan hendak menguatkan gigi kanak² itu. Saya shorkan supaya Doktor Gigi ini patut-lah di-majukan dan di-banyakan lagi. Sebab jika anak² atau pun ra'ayat itu tidak di-jaga daripada mula berkenaan dengan kesihatan gigi-nya, harus-lah apabila mereka ini besar atau pun waktu di-sekolahkan mereka ini akan mendapat penyakit rheumatism. Jadi kalau gigi kanak² itu rosak dan juga bagi pehak kaum ibu macham mana hendak chantek kalau gigi-nya itu rosak. Jadi berthabit dengan Dental Officer ini saya shorkan kepada Kementerian yang berkenaan ini supaya di-tambahkan lagi dengan banyak-nya.

Pada muka 160 ia-itu Yaws Elimination Campaign. Sa-tahu saya waktu saya dudok dalam jawatan Kerajaan dahulu waktu itu saya dudok di-Hulu Kelantan. Di-sana banyak orang² Melayu yang terkena penyakit Yaws ini dan barangkali juga termasuk negeri² seperti Pahang dan Kedah. Kerana di-sana banyak orang² kampong yang dudok jauh daripada rumah sakit dan bandar ini oleh kerana hendak menchari makan. Mereka itu tidak tahu bagaimana hendak menjaga penyakit itu. Jadi saya shorkan supaya di-adakan campaign, bukan political campaign, di-adakan dengan chara besaran² lebeh daripada political campaign sebab pilehan raya kita pun jauh lagi, itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim (Kubang Pasu Barat): Di-samping menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini di-atas jasa² baik dan di-atas perkhidmatan yang berharga terhadap orang ramai maka saya suka juga hendak menarek perhatian Kementerian ini mengenai dua perkara. Mula² kita menengok kepada kedudukan kesihatan orang ramai, yang pertama ia-lah perkhidmatan penghantaran bidan² ka-kampong². Tuan Pengerusi, orang² di-luar bandar ini ada-lah 99 peratus daripada orang Melayu. Tetapi sekarang ini ada juga chadangan Kerajaan hendak menghantar bidan² ini dalam kawasan luar bandar terdiri daripada orang² yang bukan Melayu; umpamanya kawasan saya di-Ayer Itam, Bukit Jitra, ada persedian di-buat untuk menggantikan bidan² daripada orang

Melayu kapada orang² yang bukan Melayu, harap-lah Kementerian ini mengambil perhatian muga² tektik sa-macham ini jangan-lah terjadi lagi. Kerana apa, ma'alom-lah orang² Melayu tentu-lah kehidupan-nya dan sara ragam tidak sesuai dengan bidan² bangsa asing.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan sikap sa-tengah² doktor dalam Hospital terhadap orang ramai. Sungoh pun saya tahu doktor² dan pegawai² hospital ini makin sa-hari makin baik tentang menunjukkan lemah lembut di-dalam perkhidmatan mereka itu terhadap orang ramai tetapi ada kala-nya mereka itu menggunakan perkataan² kasar, kadang² bukan sahaja kapada orang ramai tetapi juga kapada Wakil Ra'ayat. Mithal-nya, saya bagi satu chontoh, baharu² ini ada terjadi satu kemalangan di-jalan Jitra yang mana dalam kemalangan itu sa-orang daripada kanak² telah mati dan telah di-bawa ka-hospital oleh Polis dan di-post-mortem atau di-belah. Jadi Wakil Ra'ayat di-sana telah pun di-jumpai oleh pehak warith anak itu supaya dapat-lah Wakil Ra'ayat itu mengelakkan anak ini daripada di-belah atau pun di-post-mortem. Maka Wakil Ra'ayat ini pun pergi-lah ka-hospital berjumpa dengan doktor tetapi sa-belum berjumpa dengan doktor itu dia telah pergi berjumpa dengan O.C.P.D. supaya O.C.P.D. dapat menarek balek order post-mortem ini. Manakala Wakil Ra'ayat itu pergi berjumpa dengan doktor itu maka terdapat-lah kata² yang tidak baik di-hadapkan kapada Wakil Ra'ayat, yang mana doktor itu telah mengatakan kapada Wakil Ra'ayat tidak ada kena-mengena dengan hospital kerana itu bukan-lah soal

Mr Chairman: Panjang lagi?

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim: Jadi, saya minta-lah perkara ini diambil perhatian oleh Kementerian ini. Doktor itu sa-hingga di-iringi oleh Riot Squad pergi ka-Hospital Mortuary—tempat rumah belah—kerana hendak menjalankan juga pembelahan itu. Sebab barangkali dia fikir pertelingkahan akan berlaku di-antara doktor

itu dengan Wakil Ra'ayat. Saya harap perkara ini patut-lah Kementerian ini buat satu penyiasatan supaya dapat jawapan yang baik, mudahan² terlepas daripada saya menggunakan Standing Order sa-bagaimana wakil daripada sa-belah sana selalu-nya buat.

Mr Chairman: Time is up.

House resumes.

Mr (Deputy) Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply, which has been considering the Supply (1963) Bill, has progressed up to Head S. 24 of the Schedule of that Bill.

The House will now stand adjourned to 10 a.m. on Monday, 17th December, 1962.

Adjourned at 1 p.m.